

LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Rasional Muka Depan

Motif anatomi kayu *Shorea lumutensis* dipilih sebagai konsep utama reka bentuk buku laporan tahunan ini. Dikenali dengan nama tempatan sebagai Balau putih, spesies ini merupakan tumbuhan endemik di Semenanjung Malaysia, khususnya di Negeri Perak. Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil langkah proaktif untuk melindungi spesies endemik ini sebagai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan. *Shorea lumutensis* terkenal dengan kekuatan strukturnya yang tinggi, menjadikannya sesuai untuk kegunaan dalam sektor pembinaan serta berpotensi untuk dimanfaatkan dalam bidang perubatan.



ENDEMIK DI PERAK

Ini bermakna ia hanya ditemui secara semula jadi di Negeri Perak, Malaysia.

BUNGA & BUAH

Spesies ini menghasilkan bunga *hemafrodit*, kelopak *linear* dan berwarna kuning pucat. Buah *subsessile* dengan tiga (3) sayap luar dan dua (2) dalam.

DAUN

Daunnya berbentuk oblong-elliptic dan berkulit. Berbentuk bujur, mempunyai lebih kurang 14 pasang saraf dan kelihatan glaukous pada bahagian permukaan bawah.



Balau putih ; *Shorea lumutensis*

HABITAT

Ia tumbuh di hutan dipterokarpa berbukit, biasanya pada ketinggian melebihi 100 meter dari aras paras laut.

TERANCAM

Direkodkan sebagai kategori *Critically Endangered* (CR) di dalam buku Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia.

CIRI FIZIKAL

Sejenis pokok yang tumbuh dengan saiz sederhana hingga besar, akar banir yang pendek, batang kelabu-coklat dan mempunyai rekahan membujur secara tidak teratur.

ISI KANDUNGAN

Bab 1: Perutusan Pengarah Perhutanan Negeri Perak *02*

Bab 2: Perspektif Jabatan *07*

Bab 3: Perlembagaan, Dasar & Undang-Undang *09*

Bab 4: Pengurusan & Pentadbiran *13*

Bab 5: Carta Organisasi *17*

Bab 6: Pejabat Hutan Daerah *33*

Bab7: Profil Perhutanan Negeri *41*

Bab 8: Petunjuk Utama *49*

Bab 9: Imbasan *57*

Bab 10: Artikel *94*

Bab 11: Peristiwa *113*

Bab 12: Keratan Akhbar *129*

Bab 13: Apresiasi *137*

Gambaran visual daun merupakan ilustrasi yang mewakili rupa sebenar daun balau putih dengan menonjolkan ciri-ciri bentuk dan strukturnya



PERUTUSAN PENGARAH

Kawasan yang mempunyai nilai pemuliharaan yang tinggi (HCV) Balau putih *(Shorea lumutensis)* dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Perak Darul Ridzuan telah dikenalpasti. Pemuliharaan dan pemantauan kawasan HCV yang ketat dan berterusan merupakan komponen penting bagi menentukan kawasan ini dilindungi sepenuhnya daripada sebarang aktiviti pencerobohan atau aktiviti-aktiviti lain yang boleh menjejaskan fungsi kawasan-kawasan ini ditubuhkan. Langkah telah diambil dengan menanda kawasan-kawasan taburan Balau putih (*Shorea lumutensis).*



PERUTUSAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera;
Salam Malaysia Madani;
Salam Perak Sejahtera 2030;

Negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia yang dilimpahi dengan pelbagai keindahan landskap alam semulajadi terdiri daripada gunung-ganang yang tinggi serta taburan hutan, laut dan tasik yang luas. Keunikan dan kelestarian alam semulajadi ini adalah khazanah berharga bagi Negeri Perak dalam menjamin kesejahteraan hidup manusia dan kelangsungan ekosistem alam yang dapat memupuk pembangunan sosioekonomi negara serta membantu dalam penerokaan sumber pendapatan baharu.

Hutan merupakan khazanah bernilai yang penting bagi negara dalam kestabilan ekosistem dan amat berkait rapat bagi pertumbuhan sosioekonomi negara serta kemajuan dan kesejahteraan manusia jangka panjang yang perlu diuruskan secara berkekalan.

Menyusuri arus permodenan kini, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah mengimbangi keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan menfokus dan meneguhkan agenda kelestarian alam sekitar seiring dengan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 dan Pelan Perak Sejahtera 2030 melalui aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Usaha ini diperhebatkan dengan sokongan untuk memperluaskan cabang ekonomi baharu iaitu Ekonomi Hijau (*Green economy*). JPNPk bersama agensi-agensi teknikal lain, swasta, komuniti dan badan bukan Kerajaan (NGO) sering memainkan peranan masing-masing dalam menyokong usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan khususnya HSK.



PENCAPAIAN 2024

Pelbagai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan kejayaan telah dicapai JPNPk dalam mengurus HSK secara berkekalan sama ada di peringkat dalam Negara dan antarabangsa. Antara kejayaan yang telah dicapai adalah:

- **Pensijilan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan [MC&I (SFM)]**
  Pensijilan semula Pengurusan Hutan di bawah *Malaysia Criteria & Indicators for Sustainable Forest Management Certification* atau MC&I SFM bagi tempoh 24 April 2024 hingga 31 Mei 2029 dengan keluasan terbaharu seluas 988,700.88 hektar. Usaha ini telah membuktikan pengurusan sumber hutan di Negeri Perak adalah mengikut amalan terbaik atau '*Best Forest Practices*' yang selari dengan piawaian antarabangsa.

- **Pensijilan MS ISO 9001:2015 Di Bawah Skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal**
  Pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2015 di bawah skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal sejak 20 Julai 2022 sehingga 19 Julai 2025.

- **Pencapaian Program Penghijauan Malaysia Melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Tahun 2024**
  Sepanjang 4 tahun pelaksanaan program ini bermula tahun 2021, sejumlah 9.79 juta pokok telah berjaya ditanam di seluruh Negeri Perak. Jumlah itu jauh melebihi sasaran ditetapkan Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak 8 juta pokok.

- **Pelaksanaan Operasi Bersepadu Tahun 2024**
  JPNPk sering melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di dalam HSK secara Jabatan dan bersama Jabatan lain dan Badan Bukan Kerajaan demi menjamin kelestarian hutan Negeri Perak. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 6 Operasi Bersepadu telah dilaksanakan.

- **Pewartaan Hutan Simpanan Kekal Baharu**
  JPNPk telah berjaya mewartakan Hutan Simpanan Kekal (HSK) baharu seluas 225.02 hektar melibatkan Hutan Simpan Gunung Gajah seluas 119.3 hektar dan Hutan Simpan Lekir (Tambahan) seluas 105.72 hektar di Daerah Hutan Kinta/Manjung.

- **Kesinambungan Kolaborasi Penguatkuasaan Bersama Badan Bukan Kerajaan**
  Projek Penguatkuasaan dan Pemeliharaan Biodiversiti Bersama Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) di Hutan Simpan Amanjaya diteruskan bagi tahun 2024 sejak perjanjian Bersama Kerajaan Negeri Perak ditandatangani pada 27 Februari 2023.

- **Kutipan Hasil Tahun 2024**
  JPNPk telah berjaya menyumbang hasil sebanyak RM45.76 juta bersamaan 90.34% daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak RM50.64 juta kepada Kerajaan Negeri Perak.

- **Perbelanjaan Peruntukan Tahun 2024**
  Sepanjang tahun 2024, JPNPk telah menerima sebanyak RM 65.5 juta dan telah berjaya membelanjakan sebanyak RM 63.6 juta (97.1%).

PERISTIWA 2024

Pada tahun 2024, pelbagai peristiwa penting telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak seperti maklumat berikut :

- Program Pemuliharaan Hutan Paya Laut Bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bersama Penjawat Awam Negeri Perak Dan Pengusahasil Hutan Paya Laut di Tanah Kerajaan Kuala Gula, Kerian pada 18 April 2024

- Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah pada 30 April 2024

- Larian Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024 yang telah diadakan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak Darul Ridzuan pada 28 April 2024

- Pelaksanaan Program Konservasi Trek Pendakian Di dalam Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah dianjurkan bersama Persatuan Malim Gunung Perhutanan Cawangan Perak Dan Persatuan Malim Gunung Perak

- Pelaksanaan tiga (3) siri Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Negeri Perak pada Julai, Oktober dan November 2024. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan pemantauan pelaksanaan objektif dan inisiatif berkaitan PIRECFS 2022 di Negeri Perak

- Pelaksanaan dua (2) siri Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak yang dijalankan pada September dan November 2024 yang bertujuan untuk mengenalpasti kawasan berpotensi sebagai Hutan Simpanan Kekal baharu

- Pelaksanaan Seminar Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Behrang, Muallim, Perak pada 1 hingga 2 Oktober 2024

- Penganjuran Program Malaysia Ultra Trail BU UTMB 2024 Bertaraf Dunia bersama MMT Consultant pada 14 hingga 17 November 2024

- Penganjuran Program Roadshow Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) Tahun 2024 Negeri Perak pada 3 Disember 2024

Saya mewakili pihak pengurusan tertinggi, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja JPNPk di atas sumbangan dalam mencapai kejayaan pencapaian JPNPk pada tahun 2024. Saya mengharapkan agar liku-liku yang telah dilalui sepanjang tahun 2024 seharusnya menjadi teladan dan pedoman untuk mendepani masa hadapan. JPNPk akan terus komited melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan. Kita tidak mahu mewariskan kepada generasi akan datang alam sekeliling yang semakin musnah yang bakal mendatangkan pelbagai bentuk bencana alam.



HARAPAN

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES) atau nama lama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kerajaan Negeri Perak, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi kerajaan yang lain, badan-badan berkanun, syarikat berkait Kerajaan (GLC), badan-badan bukan kerajaan, pelajar dan orang awam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bersama JPNPk dalam mencapai kejayaan pada Tahun 2024.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat sifat Rahman dan Rahim-Nya juga dapat kita membukukan pencapaian dan kejayaan JPNPk di dalam buku Laporan Tahunan 2024 JPNPk ini. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga sidang redaksi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas bakti cemerlang pada tahun 2024 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan ini dan selanjutnya memenuhi kewajipan Pengarah Perhutanan Negeri sepertimana tercatat pada Seksyen 4(f) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan di dalam Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF
Pengarah Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan.



PERSPEKTIF JABATAN

2

Spesies ini dapat dijumpai di hutan dipterokarpa bukit yang melebihi ketinggian 100m dari aras paras laut.

PERSPEKTIF JABATAN

WAWASAN

Menjadi Agensi Terunggul dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya kepada Pembangunan Sosioekonomi Negara.

OBJEKTIF

- Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum dan bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air, tanah dan penggunaannya secara berkekalan.
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negeri, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.
- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan dan meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.

PIAGAM PELANGGAN

- Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.
- Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.
- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) hari.



PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG



Morfologi pokok: Pokok bersaiz sederhana hingga besar, akar pokok berbanir pendek. Batang pokok mempunyai *fissured* membujur secara tidak teratur.

PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



Bidang Perhutanan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana disebut dalam Senarai Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Di bawah peruntukan ini, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

MAJLIS TANAH NEGARA



Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Menjadi kewajipan MTN untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh berunding dengan MTN yang bertindak sebagai penasihat berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan penggunaan tanah atau perundangan yang dicadangkan mengenai pentadbiran tanah.

DASAR PERHUTANAN MALAYSIA



Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri daripada tiga (3) wilayah; Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan.

Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam DPM adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penggubalan DPM hasil rundingan dan konsultasi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah 2018, *Sarawak Forest Policy* 2019 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan akan menjadi sebahagian daripada DPM 2020.

DPM diterima dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 (MTN). Sebelum itu, DPM dan DPSM telah disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 10 November 2020. Baginda telah perkenankan supaya cadangan DPM dan DPSM 2020 ini diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Darul Ridzuan untuk pertimbangan dan kelulusan supaya kedua-dua dasar ini dibincang dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara. MMKN Bil. 2010 bertarikh 23 Disember 2020 telah bersetuju dan mengesahkan DPM dan DPSM pada 6 Januari 2021.

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkukuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Penggubalan DPSM merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

MTN bersetuju dengan DPSM bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

UNDANG-UNDANG



Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah suatu undang-undang yang diperbuat di bawah perenggan (b) Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta Perhutanan Negara 1984 ini juga adalah bertujuan bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara Negeri. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 24 Disember 1984 dan diwartakan pada 31 Disember 1984. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah diterima pakai bagi pemakaiannya di Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dinamakan sebagai Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985] dan diwartakan pada 26 Disember 1985.

Kaedah-Kaedah Hutan 1988

Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 111 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kaedah-Kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 21 Disember 1989 dan mula berkuat kuasa mulai 22 Disember 1989.

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Enakmen Bil. 3 tahun 1987] adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 [Akta 314] yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 30 Julai 1987 dan mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 1990.

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-Kaedah ini dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 1990 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

Dasar / Undang-undang / Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan Kriteria Dan Petunjuk Malaysia Untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM)

Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan menghormati perjanjian-perjanjian serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan mematuhi kesemua keperluan-keperluan pentadbiran yang berkaitan.



Dasar / Garis Panduan

- **Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975**
- **Manual Perhutanan 2003**
- **Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan**
- **Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan**
- **Dasar Perhutanan Malaysia**
- **Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia**
- **Rancangan Fizikal Negara-3, 2015**
  - *Central Forest Spine Master Plan*
- **Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025**
- **Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009**
- **Dasar Alam Sekitar Negara, 2002**
- **Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020**
- **Dasar Sumber Air Negara, 2012**

Undang-Undang Persekutuan

- **Perlembagaan Persekutuan**
- **Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]**
- **Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]**
  - Termasuk keputusan keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan
- **Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795]**
- **Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]**
- **Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]**
- **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]**
  - Peraturan-Peraturan (Am)– Keselamatan Sosial Pekerja 1971
- **Akta Kerja 1955 [Akta 265]**
- **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]**
  - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 [P.U. (A) 195/2015]
  - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U. (A) 140/1989]
  - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005]
- **Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]**
- **Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]**
- **Akta Imigresen 1959/1663 [Akta 155]**
- **Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]**
- **Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]**
- **Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]**
- **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]**
- **Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]**
- **Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753]**
- **Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]**
- **Akta Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]**
  - Perintah Gaji Minimum 2020 [P.U. (A) 5/2020]
- **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]**
- **Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]**
- **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]**
- **Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]**
- **Akta Air 1920 [Akta 418]**
- **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**
- **Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]**
- **Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273]**

Undang-Undang Negeri

- **Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985]**
  - Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989]
  - Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 [Pk. P.U. 47/2010]
- **Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Perak Bil. 3 tahun 1987]**
  - Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990]
- **Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [Enakmen 10 tahun 2001]**





PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Shorea lumutensis mempunyai dinding sel yang tebal sebagai indikator kepada ketumpatan dan kekuatan kayu yang tinggi.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

DIREKTORAT



AZNI RAHMAN BIN A.WAHID
Timbalan Pengarah
Operasi

DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF
Pengarah Perhutanan Negeri Perak

RUSLI BIN TAHIR
Timbalan Pengarah
Pembangunan
(Mulai 1 September 2024)

OTHMAN BIN DERIS
(Sehingga 1 September 2024)

KETUA PENOLONG PENGARAH





1 MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah
Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia

2 AZHAR BIN ANUAR
Ketua Penolong Pengarah
Perancangan Dan Pengurusan Hutan

3 NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI
Ketua Penolong Pengarah
Penguatkuasaan Hutan

4 EDEVALDO J YAPP
Ketua Penolong Pengarah
Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi

PENOLONG PENGARAH





1 RAZIS BIN OSMAN
Penolong Pengarah
Perancangan dan Pengurusan Hutan

2 AMAR HASRIZAL BIN SAMSUDIN
Penolong Pengarah
Hasil Bukan Kayu dan Latihan

3 KHAIRUL NIZAM BIN MOHAMED
Penolong Pengarah
Perindustrian dan Pengusahasilan

4 AFIQAH BINTI ABD RAHIM
Penolong Pengarah
Penguatkuasaan

5 NURUL NAIM BINTI JAMRY
Penolong Pengarah
Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

6 MOHAMAD FARHAN BIN SUKIMAN
Penolong Pengarah
Ladang Hutan dan Inovasi

7 MUHAMMAD ASYRAF BIN ZAINUL
Penolong Pengarah
Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan

8 MOHD KHAIRUL ANUAR BIN RAHIM
Penolong Pengarah
Penguatkuasaan (Siasatan)

PEGAWAI HUTAN DAERAH





1. **MOHD FAUZAN BIN MISRON**
   Pegawai Hutan Daerah
   Kuala Kangsar
2. **MUHAMMAD UMAR BIN ABDULLAH**
   Pegawai Hutan Daerah
   Kinta / Manjung
3. **MOHD SHUKRI BIN MOHD ALIP**
   Pegawai Hutan Daerah
   Hulu Perak
4. **MOHD FIRDAUS BIN JAMEL**
   Pegawai Hutan Daerah
   Larut Matang
5. **KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB**
   Pegawai Hutan Daerah
   Perak Selatan

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH





1. **NORBAIZURA BINTI ARIS**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Kuala Kangsar
2. **ZURAINI BINTI SARUDIN**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Larut Matang (Laut)
3. **KHAIRULRIZAL BIN ABU KASSIM**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Kinta / Manjung
4. **AHMAD NAZERI BIN SHAHABUDDIN**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Larut Matang (Darat)
5. **MOHD FAIZ BIN KAMARUZZAMAN**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Hulu Perak I
6. **MOHD MERZUKI BIN MAT SALLEH**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Perak Selatan
7. **MUHAMMAD SHAHRUL ANUAR BIN HASAINI**
   Penolong Pegawai Hutan Daerah
   Hulu Perak II



CARTA ORGANISASI



Shorea lumutensis juga mempunyai bunga hemafrodit dan buah *subsessile* dengan tiga sayap luar dan dalam.

CARTA ORGANISASI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



RUSLI BIN TAHIR
TIMBALAN PENGARAH (PEMBANGUNAN)
GRED G52

SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN



AZHAR BIN ANUAR
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED G48



RAZIS BIN OSMAN
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/ 44

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI



EDEVALDO J YAPP
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED G48

SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI



MOHAMAD FARHAN BIN SUKIMAN
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/ 44

SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN



AMAR HASRIZAL BIN SAMSUDIN
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/ 44

SEKSYEN PERUNDANGAN



PHULRANI KAUR A/P GURCHARON SINGH
PENOLONG PENGARAH
GRED L41/44

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED M48



NURUL NAIM BINTI JAMRY
PENOLONG PENGARAH
GRED M41/44

BERDASARKAN WARAN PERJAWATAN NEGERI BIL. 1/2017

JAWATAN PERSEKUTUAN BERDASARKAN WARAN PERJAWATAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
GRED G54



AZNI RAHMAN BIN A.WAHID
TIMBALAN PENGARAH (OPERASI)
GRED G52

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK



MOHD SHUKRI BIN MOHD ALIP
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G44



MOHD FAIZ BIN KAMARUZZAMAN
PENOLONG PEGAWAI
GRED G41/44

PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG



MOHD FIRDAUS BIN JAMEL
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G44

PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR



MOHD FAUZAN BIN MISRON
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G44

PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA / MANJUNG



MUHAMMAD UMAR BIN ABDULLAH
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G44

PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN



KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB
PEGAWAI HUTAN DAERAH
GRED G41/44

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT



HASLINI ZARINA BINTI HASSAN
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N19/22/29

PENOLONG PENGARAH SIASATAN



MOHD KHAIRUL ANUAR BIN RAHIM
PENOLONG PENGARAH PENGUATKUASAAN (SIASATAN)
GRED G41/44

SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN



NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED G48



AFIQAH BINTI ABD RAHIM
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/44

SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN



KHAIRUL NIZAM BIN MOHAMED
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/44

SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN



MUHAMMAD ASYRAF BIN ZAINUL
PENOLONG PENGARAH
GRED G41/44

SEKSYEN KEJURUTERAAN



MIOR HIZRAN YUSOFF BIN HAJI MIOR ISMAIL
PENOLONG JURUTERA KANAN
GRED JA36

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan, Hasil dan Pengurusan ICT Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Ketua Penolong Pengarah
Muhamad Uzir bin Mohd Tahir

Penolong Pengarah
Nurul Naim binti Jamry

Penolong Pegawai Tadbir
Noor Jumaatun binti Mat Daud

Penolong Akauntan
Norlia binti Omar
(Mulai 22 Julai 2024)
Hanani binti Abdul Rahman
(Sehingga 22 Julai 2024)

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Norsuhana binti Nurdin
(Mulai 25 November 2024)
Loo Hon Thung
(Sehingga 25 November 2024)



MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah

Unit Pentadbiran & Sumber Manusia, BKP

Menyelaras urusan keselamatan dokumen, fizikal, peribadi dan rekod bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Menguruskan urusan surat menyurat, urusan perjalanan fail termasuk pembukaan dan penutupan fail. Mengendali segala aspek pengurusan pentadbiran bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Menyokong pelaksanaan pelbagai program perhutanan yang dianjurkan oleh jabatan dalam usaha memantapkan operasi dan penguatkuasaan hutan, perancangan, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan.



Barisan Pertama Dari Kiri :
Nurr Watul Ain binti Zampa, Nurnadhirah binti Ahmad Soffian, Putri Noor Shuhaidah binti Megat Mohd Ghazali, Nurul Naim binti Jamry, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Fatin Amira binti Kamaruddin, Nur Faiza binti Ghazali, Devika A/P Sivasubramaniam, Nur Fazila binti Elias

Barisan Kedua Dari Kiri :
Fizairi bin Razali, Mohd Khairul Amilin bin Mohd Zanzali, Muhamad Najib bin Mohd Nawi, Mohamad Jeffri bin Abd Manaf

Tiada Dalam Gambar :
Noor Jumaatun binti Mat Daud, Natashah binti Ahmad Nazri, Norshakirah binti Ahmad Shukri, Azlin binti Ismail, Nurul Syakeena binti Hamul'allah, Zaitul Bahti binti Abdul Rahman, Mahanom binti Mior Arbi, Muhamad Sofian bin Omar, Muhamad Aliff Ashraf bin Abdul Rapar, Mohamed Helmi bin Abdul Hamid, Aleya Batrisya binti Abdul Razak

Unit Hasil, BKP

Bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle.



Barisan Pertama Dari Kiri :
Nurul Hidayah binti Nordin, Nabilah Fasha binti Satar, Nur Atirah binti Mohamad Samri, Siti Syafiqah binti Sulaiman, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Nor Baharudin bin Zahir, Salmah binti Samsudin, Nurul Naim binti Jamry, Norul Azian binti Md Amran, Zulfikry bin Osman, Khairosa binti Idris, Norlizawati binti Mohd Ali

Tiada Dalam Gambar :
Norlia binti Omar, Noorazlinda binti Nordin

Unit Kewangan, BKP

Menguruskan peruntukan Mengurus (B25), Pembangunan (P05), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak (KWPH), Perbelanjaan Negeri (P08), Perbelanjaan Pembangunan Persekutuan (P23), Perbelanjaan Mengurus Persekutuan (B23) dan Perbelanjaan Persekutuan (B11).

Penyediaan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek pembangunan, pembelian barang-barang dan perkhidmatan serta pembayaran tuntutan kewangan.



Barisan Pertama Dari Kiri :
Faezah binti Mohamad Tamsol, Mohammad Azizul Fikri bin Zulkifli , Nurul Naim binti Jamry, Vatsala A/P Maria Chelvam, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Noor Haziqah binti Hamdan, Noor Hidayah binti Abd Wahab, Maizatul Fadtihah binti Nasrul, Muhamad Firdaus bin Ibrahim

Tiada Dalam Gambar :
Norlia binti Omar, Mariam binti Mohamed Abdullah, Syahida binti Ismail

Unit Teknologi Maklumat, BKP

Mengendali penyelenggaraan peralatan ICT, mengurus perisian-perisian aplikasi dan kemudahan, pengurusan laman web jabatan, bantuan teknikal pengemaskinian data dan hal-hal lain yang berkaitan.



Barisan Pertama Dari Kiri :
Syaful Izwan bin Mohammad Mujab, Sakina Khan binti Mohammad Shoaib Miau Khan, Mohd Hezly bin Mustafa, Nurul Naim binti Jamry, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Muhammad Hariz bin Azaini, Muhamad Firdaus bin Sulaiman

Tiada Dalam Gambar :
Loo Hon Thung



SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN



Ketua Penolong Pengarah
Azhar bin Anuar

Penolong Pengarah
Razis bin Osman
(Mulai 24 Oktober 2024)
Norlida binti Kamil
(Sehingga 24 Oktober 2024)

Penolong Pegawai Kanan
Hamzah bin Mohd Isa

Penolong Pemelihara Hutan
Nurul Ain binti Saharuddin
Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari
Nur Afiqah binti Mohd Isa

Barisan Pertama Dari Kiri :
Yuzairin binti Yusop, Nurul Ain binti Saharuddin, Azhar bin Anuar, Razis bin Osman, Hamzah bin Mohd Isa, Siti Norjiha binti Ahmad, Noor Aliza binti Mohd Nordin

Barisan Kedua Dari Kiri :
Mohamad Hazmi bin Abdullah Zabir, Azlan bin Tarbian, Muhammad Nasrul Affandi Bin Muhd Taufiq, Abd Razak bin Mat Isa, Muhamad Sayfuan bin Mohd Suhaimin, Noor Asmizul bin Razak, Shahrulnizam bin Rosdi, Syed Huzaili bin Syed Husin, Mohamed Nizam bin Mohamed Nazir, Mirzanizam bin Mazlan, Mohamad Hazraf bin Abdul Halim

Tiada Dalam Gambar :
Norlida binti Kamil, Nur Afiqah binti Mohd Isa, Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari, Ismail bin Ishar, Muhamad Shahril bin Mohd Baseri



Seksyen Perancangan Dan Pengurusan Hutan

Seksyen ini bertanggungjawab mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara sistematik dengan merekod pewartaan hutan sama ada pewartaan masuk dan pemansuhan HSK, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) bagi mencapai matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Aktiviti lain adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Hutan Asli bagi memelihara hutan semulajadi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan seperti Hutan Simpanan Hutan Dara. Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH), Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKH) dan menyelaras penyediaan Rancangan Tahunan Hutan Perak di setiap daerah pentadbiran hutan bagi Negeri Perak. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras penubuhan dan perkembangan petak-petak kajian serta menyelaras pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I SFM) bagi FMU Perak. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan Projek *Central Forest Spine* (CFS) di Negeri Perak seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN).

AZHAR BIN ANUAR
Ketua Penolong Pengarah

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI



Ketua Penolong Pengarah
Edevaldo J. Yapp
(Mulai 15 Oktober 2024)
'Azmi bin Mohd Zain
(Sehingga 15 Oktober 2024)

Penolong Pegawai Kanan
Khairullah bin Abd Latiff

Penolong Pegawai
Mis Maizura binti Amat Kaulan
Sofia binti Lias

Barisan Pertama Dari Kiri :
Khairullah bin Abd Latiff, Edevaldo J. Yapp, Mis Maizura binti Amat Kaulan

Barisan Kedua Dari Kiri :
Norwati binti Sidek, Noor Asihkeen binti Ahmed Tajuddin, Nurul Hafizah binti Mat Sani

Barisan Ketiga Dari Kiri :
Murshidi bin Musa, Mohd Yasrul Shahrin bin Yusop Baseri, Mohd Khairul Nizam bin Shaari, Muhammad Syakir bin Ahmad, Azalanzazzllay bin Mohd Sarif, Mohamad Rizal bin Md Yusof, Mohamad Nor Adhzre bin Mustam, Muhammad Hisyam bin Tajudin

Tiada Dalam Gambar :
Sofia binti Lias

Seksyen Silvikultur Dan Kepelbagaian Biologi

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPk turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Perhutanan Masyarakat, Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan spesies-spesies yang sesuai di Persisiran Pantai Negara.



EDEVALDO J. YAPP
Ketua Penolong Pengarah

SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN



Ketua Penolong Pengarah
Norzalyta binti Mohd Ghazali

Penolong Pengarah
Afiqah binti Abd Rahim

Penolong Pemelihara Hutan
Mohd Fauzi bin Mohd Hassan
Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi

Barisan Pertama Dari Kiri :
Afiqah binti Abd Rahim, Norzalyta binti Mohd Ghazali, Norfamiza binti Mohamad Sharif

Barisan Kedua Dari Kiri :
Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi, Khirudin bin Shamsudin, Abdul Razak bin Abd Karim, Jamil Khir bin Hashim, Mohd Hassanal Adzrin bin Zahari, Muhamad Rizal bin Hawari, Azril bin Ramlee, Muhamad Hariz bin Mohd Yusof

Tiada Dalam Gambar :
Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Mat Radi bin Hamid, Muhammad Fazrul Nizar bin Abdullah Sani

Seksyen Penguatkuasaan Hutan

Secara amnya, seksyen ini bertanggungjawab untuk memantau dan membanteras kes kesalahan hutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), kawasan kelulusan lesen, permit penggunaan, premis Industri Berasas Kayu (IBK) dan juga semasa pemindahan hasil hutan (semakan dalam transit) dengan menguatkuasakan Enakmen Akta Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) 1988, Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) 1987 dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (KKIBK) 1990.

Secara khususnya, seksyen ini bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi :

- Menyelaras operasi penguatkuasaan di dalam HSK;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan hasil hutan dalam transit melalui rondaan dan sekatan jalan raya;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH);
- Menyelaras aktiviti pemeriksaan IBK;
- Menyelaras semakan dan tindakan susulan terhadap aduan kes-kes kesalahan hutan;
- Menyelaras maklumat aktiviti penguatkuasaan dan kesalahan hutan daerah-daerah untuk penyediaan Laporan Bulanan Pemantauan/ Penguatkuasaan Hutan;
- Menyelaras proses perlesenan pengusahasilan hutan di Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik; dan
- Menyelaras kolaborasi strategik dengan agensi luar dalam bidang penguatkuasaan.



NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI
Ketua Penolong Pengarah

SEKSYEN PENGUATKUASAAN (SIASATAN)



Penolong Pengarah
Mohd Khairul Anuar bin Rahim
(Mulai 10 Oktober 2024)
Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud
(Sehingga 10 Oktober 2024)

Penolong Pegawai
Donald Gabriel Guakin

Penolong Pemelihara Hutan
Nor Afida binti Mohamed

Berdiri Dari Kiri :
Nor Afida binti Mohamed, Noriszatul Akma binti Harun Arishid, Mohd Khairul Anuar bin Rahim, Mohamad Aidil Izhan bin Sharif Puddin

Tiada Dalam Gambar :
Donald Gabriel Guakin

Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan)

Seksyen ini bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan. Seksyen ini juga memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan siasatan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 serta undang-undang yang sedang berkuatkuasa.



MOHD KHAIRUL ANUAR BIN RAHIM
Penolong Pengarah

SEKSYEN PERUNDANGAN



Pegawai Undang-Undang
Phulrani Kaur A/P Gurcharon Singh

Penolong Pegawai Undang-Undang
Roshda binti Udzir

Berdiri Dari Kiri :
Roshda binti Udzir, Norlianawati binti Mohd Razali

Tiada Dalam Gambar :
Phulrani Kaur A/P Gurcharon Singh



Seksyen Perundangan

Seksyen Perundangan bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pendakwaan yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi menguatkuasakan undang-undang perhutanan. Tanggungjawab Seksyen ini adalah seperti berikut:

Aspek perundangan

- Memberi nasihat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Menyemak dokumen undang-undang seperti perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan Perhutanan Negeri Perak (mewakili Kerajaan Negeri Perak) merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi.
- Menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari perhutanan.

Aspek pendakwaan

- Mengkaji kertas siasatan kesalahan hutan dan memberi nasihat serta arahan berkaitan dengannya.
- Mengendalikan perbicaraan dan prosiding jenayah kesalahan hutan di mahkamah.

PHULRANI KAUR A/P GURCHARON SINGH
Pegawai Undang-Undang
(Sehingga 15 Ogos 2024)

SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN



Penolong Pengarah
Khairul Nizam bin Mohamed

Penolong Pegawai
Nur A'in binti Chek Mustafa
Baizueliza binti Bostamam
Nursyafira Ain binti Ahmad

Barisan Pertama Dari Kiri :
Baizueliza binti Bostamam, Nursyafira Ain binti Ahmad, Nurul Hamisah binti Jamaludin, Nur A'in binti Chek Mustafa, Rabiatul Adawiyah binti Ibrahim, Nur Shahida binti Ismail, Khairul Nizam bin Mohamed, Ahmad Faizal bin Yusof, Zainun bin Zainuddin, Idres bin Mohd Yan, Mior Khairul Azhan bin Mior Abdul Aziz, Anas Ashraf bin Ahmad Termizi, Muhammad Zulfikar bin Mohd Pizi

Tiada Dalam Gambar :
Azrul Hisham bin Rasidi

Seksyen Perindustrian Dan Pengusahasilan Hutan

Perindustrian

Seksyen ini bertanggungjawab dalam memproses pelesenan Industri Berasas Kayu (IBK) serta pemantauan operasi perindustrian dan kemajuan penggunaan kayu serta Pembangunan Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak.

Pengusahasilan

Seksyen ini juga bertanggungjawab memantau pengeluaran lesen pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) supaya mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan di samping menyelaraskan serta memproses pelesenan aktiviti pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan, Tanah Milik dan KUP Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ) serta Permit Penggunaan.



KHAIRUL NIZAM BIN MOHAMED
Penolong Pengarah

SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO-PELANCONGAN



Penolong Pengarah
Muhammad Asyraf bin Zainul

Penolong Pegawai
Siti Aisyah binti Yaacob
Nur Aulia Sadida binti Rosnan

Barisan Pertama Dari Kiri :
Azharul Hisham bin Ahmad Tajuddin, Mohd Isa bin Osman, Khairul Nizam bin Abdul Talib, Muhammad Asyraf bin Zainul, Nurul Munirah Husna binti Hamdan, Nurul Syamimi binti Yaakob, Siti Aisyah binti Yaacob

Tiada Dalam Gambar :
Nur Aulia Sadida binti Rosnan, Mohamad Syafiq Syazwan bin Kamaruddin

Seksyen Hutan Lipur Dan Eko Pelancongan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan membangunkan Taman Eko-Rimba di Negeri Perak, melaksanakan penyelenggaraan, penaiktarafan dan pembinaan baharu infrastruktur serta kemudahan yang bersesuaian agar dapat memenuhi kehendak serta menjamin keselamatan pengunjung, merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan pendidikan seperti pameran dan bengkel berkaitan bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar. Seksyen ini juga menganjurkan aktiviti-aktiviti berkonsepkan eko pelancongan seiring permintaan dalam memberi manfaat kepada masyarakat, memberi khidmat penerangan dan jurupandu mengenai perhutanan, aktiviti rekreasi dan pendidikan hutan yang dijalankan di kawasan Taman Eko-Rimba, dan lain-lain tugas berkaitan dengan promosi dan pembangunan eko pelancongan serta aktiviti rekreasi dan pendakian di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Selain itu, seksyen ini juga berperanan dalam mengemaskini pengkalan data mengenai maklumat kemajuan fizikal dan kewangan pembangunan Taman Eko-Rimba, pengunjung dan lain-lain, mengumpul maklumat bagi penyediaan risalah, poster dan lain-lain bagi tujuan publisiti dan promosi Taman Eko-Rimba serta membantu merancang, mengenalpasti keperluan latihan untuk kakitangan dalam bidang pengurusan Taman Eko-Rimba dan mengenalpasti serta menjalankan latihan / kursus / bengkel Malim Gunung Perhutanan kepada semua pemohon yang berminat untuk berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebagai Malim Gunung Perhutanan.



MUHAMMAD ASYRAF BIN ZAINUL
Penolong Pengarah

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN



Penolong Jurutera Kanan
Mior Hizran Yusoff bin Haji Mior Ismail

Penolong Jurutera
Rozana binti Baharuddin
Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi
Mohd Faizul bin Baharin@Baharuddin
Jastiny Aima binti Jamaluddin
Shanthi A/P Subramaniam
Mohd Risham bin Abdul Rahim
Nurfarahain Zin binti Mohd Zin

Barisan Pertama Dari Kiri :
Mohd Haizal bin Mokhtar, Shanthi A/P Subramaniam, Nurfarahain Zin binti Mohd Zin, Jastiny Aima binti Jamaluddin, Wan Nur Aina binti Wan Mohamad, Asmar Zaiham bin Abdul Wahab

Barisan Kedua Dari Kiri :
Helmi bin Mohd Darji, Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi, Mior Hizran Yusoff bin Haji Mior Ismail, Mohd Faizul bin Baharin@Baharuddin, Mohd Risham bin Abdul Rahim, Rozana binti Baharuddin

Tiada Dalam Gambar :
Syaiful Azri bin Jaafar

Seksyen Kejuruteraan Hutan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan kemudahan yang melibatkan pembaikan, menaiktaraf dan penyelenggaraan pejabat, kuarters, stor rampasan, jeti jabatan dan Balai Pemeriksa Hutan (BPH). Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk membuat semakan dan memberi ulasan ke atas Pelan Cadangan Pembinaan Jajaran Jalan Hutan berpandukan kepada Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

Seksyen ini adalah komited untuk memastikan semua pembinaan dan penyelenggaraan dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian daripada Jabatan Kerja Raya serta mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Seksyen ini juga berperanan memastikan kenderaan jabatan berada dalam keadaan baik dengan melakukan penyelenggaraan berkala. Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan pembelian kenderaan baharu mengikut kelulusan tahunan semasa daripada Pejabat Kewangan Negeri (PKN) dan melupuskan kenderaan yang rosak serta tidak ekonomik berdasarkan pengesyoran daripada pihak Jabatan Kerja Raya (Mekanikal). Seksyen Kejuruteraan Hutan melaksanakan proses melucutkan hak pemilikan kenderaan setelah mendapat perintah mahkamah bagi kesalahan hutan.



MIOR HIZRAN YUSOFF BIN HAJI MIOR ISMAIL
Penolong Jurutera Kanan

SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI



Penolong Pengarah
Mohamad Farhan bin Sukiman

Penolong Pemelihara Hutan
Syaril Izzat bin Ramli
Nihayatul Nabilah binti Sabri

Barisan Pertama Dari Kiri :
Megat Nor Ismail bin Megat Saari, Suzila binti Md Khalid, Mohamad Shakirim bin Abdul Aziz, Ahmad Sollehuddin bin Zulkifli, Nihayatul Nabilah binti Sabri, Syaril Izzat bin Ramli, Mohamad Farhan bin Sukiman, Mohd Irwan Fazli bin Abd Rahman, Abdul Rani bin Hassan, Amirul Haqim bin Badrul Hisham, Amirul Fikry bin Musa, Muhammad Huzaifah bin Hussain



Seksyen Ladang Hutan Dan Inovasi

Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras pengurusan dan pembangunan ladang hutan, pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, penyakit dan agen perosak, perolehan biji benih dan bahan tanaman serta projek *Perak Oxygen Land Bank (POLB)*.

Selain itu, seksyen ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

MOHAMAD FARHAN BIN SUKIMAN
Penolong Pengarah

SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN



Penolong Pengarah
Amar Hasrizal bin Samsudin

Penolong Pemelihara Hutan
Mohd Jamil bin Yusop
Tinarossima binti Badiauzaman
Nurul Iezzati Mohd Alias

Barisan Pertama Dari Kiri :
Rushiah binti Sujak, Tinarossima binti Badiauzaman, Amar Hasrizal bin Samsudin, Nurul Iezzati Mohd Alias, Mohd Jamil bin Yusop

Barisan Kedua Dari Kiri :
Shamsul Akmal bin Samsudin, Rosazlina binti Rosdi, Muhammad Nazrul Afiq bin Khairullah

Tiada Dalam Gambar :
Muhamad Taufiq bin Anuar Basah

Seksyen Hasil Bukan Kayu Dan Latihan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penubuhan kawasan tanaman, rawatan serta penyelengaraan tanaman herba, buluh dan rotan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan kawasan yang bersesuaian. Selain itu, HBK juga berperanan untuk memproses lesen-lesen pengusahasilan berasaskan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, dan lain-lain. Manakala Unit Latihan bertanggungjawab merancang Program Latihan Tahunan, mengkoordinasi dan melaksanakan kursus kepada kakitangan jabatan serta menyelaras penempatan pelajar latihan industri dari Institut Pengajian Tinggi.



AMAR HASRIZAL BIN SAMSUDIN
Penolong Pengarah

6

PEJABAT HUTAN DAERAH

Bertanggungjawab dalam melancarkan lagi pelaksanaan fungsi Jabatan Perhutanan Negeri. Pentadbiran perhutanan di peringkat negeri dipecahkan kepada daerah dan renj hutan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran di peringkat daerah dan renj hutan, pengawalan pengusahasilan dan operasi industri berasas kayu, kutipan hasil, penguatkuasaan undang-undang perhutanan serta pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di lapangan.



Daunnya berkulit dan berbentuk bujur, mempunyai lebih kurang 14 pasang saraf, menonjol di bawah daun dan biasanya kelihatan glaukous pada bahagian permukaan bawah. Daunnya mudah dikenalpasti berdasarkan warna putih yang terdapat di bawah daunnya.

PEJABAT HUTAN DAERAH

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK



Pegawai Hutan Daerah
Mohd Shukri bin Mohd Alip

Penolong Pegawai Hutan Daerah I
Salah satu strategi dalam menjalankan penguatkuasaan hutan secara berkesan adalah dengan pelaksanaan operasi bersepadu yang melibatkan kolaborasi pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan penglibatan dari Badan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Badan Bukan Kerajaan.

Penguatkuasaan secara bersepadu ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam aspek penguatkuasaan hutan bagi membanteras sebarang aktiviti kesalahan hutan di dalam kawasan HSK serta kesalahan lain yang melibatkan hasil hutan.





Senarai Operasi Bersepadu Tahun 2024

BIL.	NAMA	TARIKH	DAERAH	AGENSI TERLIBAT
1.	OPS Tanglung	18-20 Januari	Seluruh Negeri	PDRM
2.	Ops Ketupat	April	Seluruh Negeri	PDRM
3.	Operasi Bersepadu Khazanah	Februari, Mei, Ogos, September	Hulu Perak, Perak Selatan,	PERHILITAN, PDRM, ATM
4.	Ops Kilang Palet Haram (Perak Selatan)	Jun	Perak Selatan	PDRM, MDT
5.	Ops Ramadhan (Kuala Kangsar)	April	Kuala Kangsar	PDRM
6.	Ops Bersepadu Bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	Ogos	Seluruh Negeri	JPJ

SEKSYEN PENGUATKUASAAN (SIASATAN)

JUMLAH KOMPAUN DAN GANTIRUGI KESALAHAN HUTAN

Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan.

2024

RM 538,000.00

kompaun berjaya dikutip

Bagi tahun 2024, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengutip kompaun sebanyak RM538,000.00 bagi kes kesalahan hutan di bawah seksyen 32(1), 47(1), 65(4), 68(1) dan 81(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

- Sepanjang tahun 2024, sebanyak 40 kes kesalahan hutan berjaya dikesan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang meliputi pelbagai kesalahan hutan melalui peruntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1987. Pembukaan Kertas Siasatan (IP) telah dijalankan oleh Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) hasil daripada pengesanan kes ini. Jumlah kertas siasatan yang berjaya diselesaikan pada tahun 2024 adalah sebanyak 18 kertas siasatan. Selain itu, terdapat 20 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2010 sehingga 2023 (IP warisan) juga berjaya diselesaikan pada tahun 2024 yang menjadikan jumlah keseluruhan 38 kertas siasatan telah selesai pada tahun 2024.

- Pada tahun 2024 juga, terdapat empat (4) kes kesalahan hutan yang selesai bicara di mahkamah yang melibatkan tiga (3) kesalahan hutan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan satu (1) kes kesalahan di bawah Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1987. Keputusan keempat-empat kes tersebut telah di menangi oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang melibatkan tawaran denda keseluruhan berjumlah RM117,000.00.

SEKSYEN PERUNDANGAN

Seksyen Perundangan bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pendakwaan yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi menguatkuasakan undang-undang perhutanan.

Pada tahun 2024, Seksyen ini telah menyemak sebanyak 45 perjanjian dan menyediakan 24 pandangan undang-undang berkenaan dengan isu perhutanan.

Selain itu, sebanyak 138 daftar kemasukan kertas siasatan yang diminitkan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Sebanyak 27 kes kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985] ("EAPN") dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Perak Bil. 3 tahun 1987] ("EIBK") telah dibawa ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan. Sebanyak 17 kes telah selesai dibicarakan, manakala 10 kes lagi masih dalam perbicaraan.



KES KESALAHAN DI BAWAH EAPN DAN EIBK YANG DITUDUH DI MAHKAMAH TAHUN 2024

Berikut merupakan maklumat ringkas bagi kes-kes kesalahan di bawah EAPN dan EIBK yang dituduh di mahkamah bagi tahun 2024:



Kes Selesai Perbicaraan

- **Perenggan 47(1)(c) EAPN :** memasuki hutan simpanan kekal tanpa kebenaran
- **Subseksyen 68(1) EAPN :** memiliki hasil hutan tanpa kebenaran
- **Subseksyen 84(1) EAPN :** memiliki hasil hutan tanpa kebenaran tanpa bayaran royalti, premium, ses atau caj-caj lain
- **Subseksyen 3(2) EIBK :** mendirikan dan mengendalikan suatu industri berasas kayu tanpa lesen

Kes Dalam Perbicaraan

- **Perenggan 47(1)(c) EAPN :** memasuki hutan simpanan kekal tanpa kebenaran
- **Subseksyen 32(1) EAPN :** menjalankan aktiviti melombong mineral tanpa kebenaran

SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN



PENGUSAHASILAN HUTAN DARAT

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) HSK Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77.

Mesyuarat Majlis Tanah Negara

MTN ke -77

Pelarasan Semula Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak (2021-2025)



Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Tahun 2024

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)					Tanah Kerajaan (ha)	Tanah Bermilik (ha)	Jumlah Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan (ha)
Catuan Tebangan Tahunan (CTT)		Pembangunan (ha)		Jumlah			
Diluluskan (ha)	Diusahasilkan (ha)	Ladang Hutan	Lain-lain				
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(b+c+d)	(f)	(g)	(h)=(e+f+g)
6,600	3,189.0	613.0	0	3,802.0	502.0	1,758.6974	6,062.6974



574 Kilang

telah dilesenkan di bawah

IBK

Sebanyak 574 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2024. Daripada jumlah tersebut sebanyak 507 buah kilang beroperasi manakala sebanyak 67 buah kilang tidak beroperasi.





INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)

Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Sehingga Tahun 2024.



Peratus Pengeluaran Mengikut Jenis Kayu Balak Tahun 2024

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2024 adalah berjumlah 234,470.41 meterpadu yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ).



Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2024



Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 146,260.56 meterpadu, dengan pengeluaran 28,480.07 meterpadu (19.47%). Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 62,841.42 meterpadu dengan pengeluaran 34,465.65 meterpadu (54.88%), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 1,113.56 meterpadu dengan pengeluaran 943.27 meterpadu (84.71%).



JUMLAH	
Penggunaan (m³)	210,215.54
Pengeluaran (m³)	63,888.99
Peratus (%)*	30.39

*Pengeluaran berbanding penggunaan

PENGUSAHASILAN HUTAN PAYA LAUT

Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang adalah berpandukan kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) 2020-2024. Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang terdiri daripada dua (2) kategori iaitu KUP Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ). Di bawah RKHLPM 2020 - 2024 seluas 97,961.6 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang diperuntukan untuk 121 pengusaha KAK. Manakala seluas 1,694.0 hektar setahun kawasan hutan Paya Laut Matang bagi 77 pengusaha KKJ.

2 Kategori

KUP Arang Kayu **(KAK)**

KUP Kayu Jaras **(KKJ)**

Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi KUP Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2024



Bilangan Lesen: **37**
Keluasan (HA) : **230.7**

Bilangan Lesen: **30**
Keluasan (HA) : **157.3**

Bilangan Lesen: **42**
Keluasan (HA) : **293.7**

Bilangan Lesen: **35**
Keluasan (HA) : **211.7**

Jumlah Lesen
144

Jumlah Keluasan (Ha)
893.4

Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut bagi KUP Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun 2024



Bilangan Lesen: **15**
Keluasan (HA) : **308.0**

Bilangan Lesen: **24**
Keluasan (HA) : **503.0**

Bilangan Lesen: **26**
Keluasan (HA) : **522.0**

Bilangan Lesen: **26**
Keluasan (HA) : **479.0**

Jumlah Lesen
91

Jumlah Keluasan (Ha)
1,812.0



Guna tenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan

Bilangan pekerja diupah dalam IBK dan Industri Pengusahasilan di negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2024 adalah berjumlah 5,088 orang.

5,088
bilangan pekerja

Guna tenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan tahun 2024

1 PENGUSAHASILAN

Bumiputera	: 1,297
Bukan Bumiputera	: 723
Bukan Warga Malaysia	: 5
JUMLAH	**: 2,025**

2 KILANG PAPAN

Bumiputera	: 683
Bukan Bumiputera	: 835
Bukan Warga Malaysia	: 655
JUMLAH	**: 2,173**



3 KILANG PAPAN LAPIS/VENIR

Bumiputera	: 61
Bukan Bumiputera	: 113
Bukan Warga Malaysia	: 313
JUMLAH	**: 487**

4 KILANG KAYU KUMAI

Bumiputera	: 105
Bukan Bumiputera	: 107
Bukan Warga Malaysia	: 191
JUMLAH	**: 403**

JUMLAH KESELURUHAN

Bumiputera	: 2,146
Bukan Bumiputera	: 1,778
Bukan Warga Malaysia	: 1,164
JUMLAH	**: 5,088**



SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO-PELANCONGAN

TAMAN EKO-RIMBA (TER)

“FOREST *beyond* Timbers”

Hutan lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang berfungsi sebagai kawasan yang sesuai bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, beriadah, menikmati alam semulajadi, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain aktiviti berkaitan. Peranan hutan lipur sebagai medium untuk pelaksanaan aktiviti riadah dilihat semakin besar berikutan kecenderungan dan penghayatan masyarakat terhadap alam semulajadi. Konsep hutan lipur masih mengekal dan menekankan kepada pendekatan holistik “Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayan Semata-mata (*Forest beyond Timbers*)".

PENUBUHAN TER

JPNPk merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab penuh ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan Taman Eko-Rimba (TER) di Negeri Perak. Sejak tahun 1979, sejumlah 13 kawasan yang berpotensi mempunyai tarikan dari segi ekopelancongan telah dibangunkan untuk dijadikan kawasan TER di Negeri Perak. Tarikan ini secara tidak langsung telah menjadi suatu sektor yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dari pelbagai sektor khususnya sektor makanan dan minuman, perhotelan, kraftangan, budaya setempat dan pelbagai sektor lain di kawasan sekitar.

13 Kawasan
berpotensi mempunyai
tarikan
PELANCONGAN



Taman Eko-Rimba di Negeri Perak



Kinta/Manjung

1 Ulu Kinta
Tahun penubuhan: 1987
Keluasan pembangunan: 9.22 ha
Lokasi (hutan simpan): Bukit Kinta
Jumlah pengunjung (2024): 0

2 Ulu Licin
Tahun penubuhan: 2006
Keluasan pembangunan: 14.15 ha
Lokasi (hutan simpan): Bukit Kinta
Jumlah pengunjung (2024): 15,439

3 Sungai Salu
Tahun penubuhan: 1998
Keluasan pembangunan: 1.00 ha
Lokasi (hutan simpan): Bujang Melaka
Jumlah pengunjung (2024): 1,996

4 Pasir Panjang
Tahun penubuhan: 1996
Keluasan pembangunan: 5.57 ha
Lokasi (hutan simpan): Segari Melintang
Jumlah pengunjung (2024): 7,630

5 Kledang Saiong
Tahun penubuhan: 2010
Keluasan pembangunan: 26.68 ha
Lokasi (hutan simpan): Kledang Saiong
Jumlah pengunjung (2024): 106,309

6 Papan
Tahun penubuhan: 1992
Keluasan pembangunan: 9.57 ha
Lokasi (hutan simpan): Kledang Saiong
Jumlah pengunjung (2024): 11,362

Kuala Kangsar

7 Ulu Kenas
Tahun penubuhan: 1990
Keluasan pembangunan: 22.67 ha
Lokasi (hutan simpan): Bubu
Jumlah pengunjung (2024): 42,466

Larut & Matang

8 Kaki Bukit Larut
Tahun penubuhan: 1979
Keluasan pembangunan: 0.96 ha
Lokasi (hutan simpan): Bukit Larut
Jumlah pengunjung (2024): 204

9 Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang
Tahun penubuhan: 2004
Keluasan pembangunan: 13.95 ha
Lokasi (hutan simpan): Jebong
Jumlah pengunjung (2024): 16,269

Hulu Perak

10 Lata Kekabu
Tahun penubuhan: 1990
Keluasan pembangunan: 6.19 ha
Lokasi (hutan simpan): Bintang Hijau
Jumlah pengunjung (2024): 6,524

11 Pulau Tali Kail
Tahun penubuhan: 1997
Keluasan pembangunan: 0.67 ha
Lokasi (hutan simpan): Banding
Jumlah pengunjung (2024): 279

Perak Selatan

12 Lata Iskandar
Tahun penubuhan: 1979
Keluasan pembangunan: 0.96 ha
Lokasi (hutan simpan): Bukit Tapah
Jumlah pengunjung (2024): 206,500

13 Kuala Woh
Tahun penubuhan: 1983
Keluasan pembangunan: 6.17 ha
Lokasi (hutan simpan): Bukit Tapah
Jumlah pengunjung (2024): 16,629

Jumlah Kutipan Hasil Taman Eko-Rimba (TER) Negeri Perak Tahun 2024



Pada tahun 2024, Seksyen Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan telah menerima sejumlah peruntukan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05), *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) sepertimana butiran berikut :

Senarai Peruntukan Seksyen Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan Tahun 2024

SUMBER PERUNTUKAN	PROGRAM	PROJEK	JUMLAH KELULUSAN (RM)	SKOP PERBELANJAAN
P05	Pengurusan Hutan (P05 001 008)	Kerja-Kerja Menyelenggara Infra Dan Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak	350,000.00	Bina baharu sebuah bangunan penginapan di TER Pasir Panjang. Kerja-kerja penyelenggara TER.
EFT	*Ecological Fiscal Transfer* (EFT) (P05 003 006)	Pembinaan Pusat Informasi Perhutanan Sebagai Tarikan Baharu Bagi Ekopelancongan Di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong	200,000.00	Kerja awalan pembangunan Pusat Informasi Perhutanan di TER Kledang Saiong.
EFT	*Ecological Fiscal Transfer* (EFT) (P05 003 007)	Kajian *Carrying Capacity* Di Kawasan Tumpuan Pendakian	660,000.00	Kajian Had Daya Tampung Kawasan Pendakian Tumpuan Di Daerah Kinta/ Manjung. Kajian Had Daya Tampung Kawasan Pendakian Tumpuan Di Daerah Perak Selatan.
EFT	*Ecological Fiscal Transfer* (EFT) (P05 003 008)	Menaiktaraf Trek Pendakian Dan Hentian Sementara Di 7 Kawasan Tumpuan Pendakian	350,000.00	Pembekalan peralatan dan keperluan bagi tujuan naiktaraf trek pendakian dalam HSK. Kerja-kerja membina baharu mercu tanda trek pendakian di Gunung Bubu dan Pulut dan Papulut. Kerja-kerja menaiktaraf struktur mercu tanda sedia ada di Gunung Korbu.
EFT	*Ecological Fiscal Transfer* (EFT) (P05 003 010)	Membangunkan Pelan Pengurusan Taman Eko-Rimba	850,000.00	Kajian pelan pengurusan TER di TER Kledang Saiong, Ulu Kenas dan Ulu Licin.
EFT	*Ecological Fiscal Transfer* (EFT) (P05 003 011)	Membina Jambatan Gantung Dan Menara Pandang Di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang	237,758.00	Kerja pengukuran topografi dan kerja-kerja siasatan tanah.
KWPH	Pengurusan Sumber Hutan	Risalah Perhutanan, Lain-Lain Penerbitan & Cetakan / Hebahan & Promosi	116,600.00	Cetakan bahan promosi, penerbitan laporan tahunan.
KWPH	Pengurusan Sumber Hutan	Pameran, Seminar, Lawatan Kerja, Tinjauan Eko Pelancongan Dan Program Perhutanan Di Dalam Negara / Luar Negara / Peringkat Antarabangsa	1,040,000.00	Penganjuran lawatan kerja, bengkel, pameran, sewaan bagi program perhutanan.
KWPH	Pembangunan Sumber Hutan Asli	Membina Baru, Menaiktaraf Dan Menyelenggara Taman Eko-Rimba	1,000,000.00	Kerja-kerja bina baharu, naiktaraf dan penyelenggaraan kemudahan TER. Perkhidmatan pembersihan TER.
KWPH	Pembangunan Sumber Hutan Asli	Pembekalan Peralatan Dan Kelengkapan Bagi Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Untuk Keselesaan Dan Keselamatan Pengunjung	100,000.00	Pembekalan peralatan dan kelengkapan Taman Eko-Rimba.
KWPH	Pembangunan Sumber Hutan Asli	Sistem Amaran Kepala Air	500,000.00	Pembangunan baharu Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) di TER Ulu Kenas. Naiktaraf dan selenggara sistem amaran kepala air di Taman Eko-Rimba.

MEMBINA BAHARU, MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA TAMAN EKO-RIMBA

- Pada tahun 2024, Seksyen Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan telah menerima peruntukan bernilai RM350,000.00 bagi Projek Kerja-Kerja Menyelenggara Infra Dan Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05) dan RM1,000,000.00 bagi Projek Membina Baru, Menaiktaraf Dan Menyelenggara Taman Eko-Rimba di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Matlamat projek ini adalah untuk membina baharu, menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan yang terdapat di TER bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengunjung.

- Penyediaan kemudahan yang selesa dan selamat diyakini mampu menyumbang kepada peningkatan statistik pengunjung (tempatan dan luar negara) sekaligus menyumbang kepada peningkatan ekonomi Kerajaan Negeri.

- Selain memfokuskan kepada sektor eko pelancongan, TER juga diyakini mampu menarik lebih ramai golongan penyelidik dan pelajar untuk menjalankan penyelidikan dan kajian berkaitan keunikan sumber alam semula jadi yang terdapat di Negeri Perak.



PEMBEKALAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN BAGI KEMUDAHAN DI TAMAN EKO-RIMBA UNTUK KESELESAAN DAN KESELAMATAN PENGUNJUNG

RM100Ribu
peruntukan
KWPH

- Pada tahun 2024, sebanyak RM100,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Pembekalan Peralatan Dan Kelengkapan Bagi Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Untuk Keselesaan Dan Keselamatan Pengunjung melalui peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Sehingga kini, sebanyak 13 TER telah diuruskan sejak tahun 1979 yang dibahagikan kepada lima (5) buah Daerah Hutan yang terdiri daripada Daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang, Kinta/Manjung dan Perak Selatan.

- Kesemua 13 TER ini mempunyai tarikan serta keunikan yang tersendiri. Sehubungan itu, dalam memastikan para pengunjung sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa, Jabatan ini sentiasa menitikberatkan keperluan menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan di Taman Eko-Rimba.

SISTEM AMARAN KEPALA AIR

- Pada tahun 2024, sejumlah RM 500,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Sistem Amaran Kepala Air melalui peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Terdapat tujuh (7) kawasan TER di Negeri Perak yang telah siap dipasang sistem amaran kepala air sejak tahun 2013 yang berfungsi secara manual dan automatik. Kesemua sistem amaran kepala air ini perlu diselenggara secara berkala iaitu sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali.

- Projek Sistem Amaran Kepala Air ini merupakan satu inisiatif yang dibangunkan oleh Jabatan ini dalam memberikan amaran dan makluman awal kepada petugas TER serta pengunjung terhadap ancaman kejadian kepala air agar tindakan segera dapat diambil di samping dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kematian di TER.

- Pada tahun 2024, Jabatan ini telah membangunkan Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) di TER Ulu Kenas. Sistem ini berupaya mengesan kejadian kepala air seawal lima (5) minit sebelum kejadian sebenar melalui sensor berdasarkan kelajuan arus air sungai serta mengukur kadar taburan hujan yang dipasang di hulu dan hilir sungai. Sistem ini turut disokong dan dilengkapi dengan aplikasi atas talian yang akan memberi amaran kepada pengunjung TER melalui siren dan notifikasi di telefon pintar kepada semua pengguna aplikasi ini.



EWS

Amaran Awal Kepala Air

seawal 5minit

Senarai TER yang mempunyai Sistem Amaran Kepala Air

2013
KUALA WOH
Jenis: Manual
Daerah: Perak Selatan

2013
ULU KENAS
Jenis: Automatik
Daerah: Kuala Kangsar

2014
LATA ISKANDAR
Jenis: Manual
Daerah: Perak Selatan

2014
PAPAN
Jenis: Manual
Daerah: Kinta/Manjung

2014
ULU KINTA
Jenis: Manual
Daerah: Kinta/Manjung

2015
LATA KEKABU
Jenis: Automatik
Daerah: Hulu Perak

2019
KLEDANG SAIONG
Jenis: Manual
Daerah: Kinta/Manjung

2022
LATA ISKANDAR
Jenis: EWS (Automatik)
Daerah: Perak Selatan

2022
KLEDANG SAIONG
Jenis: EWS (Automatik)
Daerah: Kinta/Manjung

2024
ULU KENAS
Jenis: EWS (Automatik)
Daerah: Kuala Kangsar

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini bagi tahun 2024 adalah seperti berikut :

NAIKTARAF BANGUNAN

Pada tahun 2024, sebanyak RM1,270,000.00 peruntukan diberi untuk kerja-kerja naiktaraf bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membiayai kerja-kerja naiktaraf tersebut adalah sebanyak RM1,269,989.50 (99.99%)

99.99%
perbelanjaan

PENYELENGGARAAN BANGUNAN



Bagi tujuan penyelenggaraan bangunan, sebanyak RM600,000.00 peruntukan telah diberi untuk menyelenggara bangunan pejabat, pejabat hutan daerah dan pejabat renjer hutan serta kuarters yang terlibat. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM598,652.30 (99.77%) telah dibelanjakan.

Bangunan kuarters pula sebanyak RM250,000.00 peruntukkan telah diberikan dan sebanyak RM249,880.00 (99.95%) telah dibelanjakan. Manakala stor rampasan menerima peruntukkan sebanyak RM150,000.00 dan sebanyak RM148,874.00 (99.24%) telah dibelanjakan. Jabatan juga menerima peruntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi Jeti jabatan dan telah membelanjakan sebanyak RM199,980.00 (99.99%).

Bangunan-bangunan ini di setiap daerah merupakan aset tak alih jabatan yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan baik. Selain daripada itu, keadaan bangunan yang selamat dan selesa diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.



PEMBINAAN BAHARU BANGUNAN

01

Di dalam rancangan pembangunan bagi tahun 2024, projek pembinaan baru yang terlibat ialah projek Membina Baru Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Banding Daerah Hulu Perak menerima sebanyak RM480,000.00 dan telah membelanjakan sebahagian duit sebanyak RM200,000.00 (41.60%) dan telah memulangkan ke Bendahari Negeri Perak sebanyak RM280,000.00.

02

Projek Membina Baru Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput pula menerima sebanyak RM300,000.00 dan telah pindah peruntukan ke Bendahari Negeri Perak.

03

Selain itu, projek Membina Baru Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dan Pejabat Renj. Hutan Gerik 1, 3 Tingkat (termasuk basement) Serta Lain-lain Kerja Berkaitan telah menerima peruntukan sebanyak RM150,000.00 dan telah pindah peruntukan ke Bendahari Negeri Perak.

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN HUTAN

99.83%

perbelanjaan

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Sebanyak RM150,000.00 telah diperuntukan bagi tahun 2024 dan daripada jumlah ini, sebanyak RM149,752.50 (99.83%) telah dibelanjakan manakala bakinya telah ditarik balik untuk keperluan lain.

PEMBELIAN DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

01

Pembangunan yang dilaksanakan memerlukan pemantauan yang rapi dengan melibatkan keperluan pengangkutan pacuan empat roda, bot, enjin dan sebagainya yang perlu berada dalam keadaan baik dan sempurna. Penyelenggaraan amat penting bagi memastikan jangka hayat kenderaan jabatan dapat bertahan lebih lama dan digunakan seoptimumnya bagi kerja – kerja penandaan sempadan, Inventori Hutan Sebelum Tebangan, Penandaan Pokok, Pengusahasilan Hutan, Pembangunan hutan bagi Hutan Paya Laut dan Pemantauan di lapangan. Pada tahun 2023, seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM687,598.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan. Peruntukan ini telah dibelanjakan hampir sepenuhnya sebanyak RM687,597.61 (99.99%).

02

Sehubungan itu, pembelian kenderaan baharu dilaksanakan bagi membolehkan petugas – petugas di lapangan melaksanakan aktiviti dengan lebih sempurna dengan adanya kemudahan pengangkutan yang berkeupayaan baik dan selamat oleh kerana kerja-kerja pembangunan hutan yang ditawarkan terletak dalam kawasan HSK yang tiada kemudahan jalan yang sempurna. Projek-projek pembangunan hutan biasanya melibatkan kerja-kerja yang dijalankan di kawasan bekas lesen pembalakan. Begitu juga dengan penggunaan sampan dan bot untuk memantau kawasan usahasil arang kayu dan kayu jaras. Oleh itu perolehan kenderaan yang baik dan selamat amat diperlukan. Pada tahun 2023, seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM1,389.000.00 untuk kerja – kerja pembelian kenderaan. Peruntukan ini telah dibelanjakan sebanyak sebanyak RM965,450.00 (69.50%).

SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN (PPLH)

01 **Ladang Hutan** ialah kawasan sekurang-kurangnya **50 hektar** yang ditanam dengan pokok/tumbuhan hutan melalui kaedah tanaman terbuka.

02 **54 syarikat** telah diberi kelulusan permit penggunaan seluas **29,366 hektar**.

03 Menggunakan **Kaedah Tebang Habis Bersyarat**, iaitu kawasan dibalak sepenuhnya tetapi **beberapa kawasan perlindungan tanah dikekalkan**.



Tujuan Penubuhan PPLH (Sejak 2012)

01 Menghasilkan kayu bermutu sederhana dengan harga mampu milik.

02 Mengganti hutan miskin dengan ladang bagi tingkatkan pengeluaran.

03 Kurangkan import kayu – jimat pertukaran mata wang.

04 Menghijaukan kawasan dan meningkatkan kualiti persekitaran.

05 Kurangkan tekanan ke atas hutan asli.

06 Pastikan bekalan berterusan untuk industri kayu tempatan dan eksport.

ZON PEMBANGUNAN LADANG HUTAN (ZPLH)

Kawasan dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) yang dikenal pasti sebagai hutan miskin atau terosot, contohnya:

- Kawasan terbakar.
- Kawasan dengan penyakit/serangan serangga.
- Kawasan aktiviti haram atau tanaman berpindah.

Penentuan ZPLH mengikut Pekeliling KPPSM Bil. 1 Tahun 2010 dengan ciri-ciri:

- Berada dalam HSK.
- Berstatus Hutan Pengeluaran.
- Merupakan hutan terosot/miskin.

Pemantauan dan Perundangan

Semua aktiviti dalam PPLH mesti mematuhi:

- Akta Perhutanan Negara 1984
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Kaedah-Kaedah Hutan 1988
- Peraturan dan dasar perhutanan terkini

Kriteria Pemilihan Spesies Ladang Hutan

- Spesies tempatan atau dagang
- Mempunyai nilai ekonomi tinggi
- Mempunyai pusingan tebangan yang munasabah
- Sesuai dengan regim pengurusan dan silvikultur ladang hutan

Spesies Tanaman Ladang Hutan Yang Diluluskan Oleh Kerajaan Negeri Perak

NAMA TEMPATAN	NAMA SAINTIFIK
Batai	*Paraserianthes falcataria*
Getah klon balak	*Hevea spp.*
Khaya	*Khaya ivorensis*
Jati	*Tectona grandis*
Kelampayan	*Neolamarckia cadamba*
Binuang	*Octomeles sumatrana*
Sentang	*Azadirachta excelsa*
Eucalyptus	*Eucalyptus spp.*
Karas	*Aquilaria spp.*
Jelutong	*Dyera costulata*

PETAK PERCUBAAN TANAMAN SPESIES-SPESIES LADANG HUTAN

Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi juga telah menubuhkan petak percubaan tanaman spesies-spesies ladang hutan yang terdiri dari pelbagai spesies tertentu di kawasan hutan terosot/miskin.



TUJUAN

Menilai **kesesuaian spesies pokok** untuk ditanam dalam HSK dan kawasan hutan miskin.

LOKASI

Didirikan di kawasan hutan terosot atau miskin yang telah dikenal pasti.

Spesies Yang Ditanam Dalam Petak Percubaan Ladang Hutan

SPESIES	KETERANGAN
Pain (*Pinus sp.*)	Spesies konifer, cepat matang
Yemane (*Gmelina arborea*)	Pokok hutan bukan tempatan, potensi tinggi
Getah (*Hevea brasiliensis*)	Penghasilan lateks/susu getah
Karas (*Aqualaria malaccensis*)	Digunakan untuk gaharu, hasil bukan kayu bernilai tinggi
Jati (*Tectona grandis*)	Kayu keras berkualiti tinggi
Sentang (*Azadirachta excelsa*)	Cepat tumbuh, sesuai ladang komersial
Meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*)	Spesies asli tempatan
Meranti tembaga (*Shorea leprosula*)	Kayu berat dan bernilai
Meranti sarang punai (*Rubroshorea parvifolia*)	Spesies asli dengan nilai pasaran



Kaedah Penyelenggaraan

- **Secara jabatan**: Dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan Perhutanan.
- **Secara kontrak**: Melibatkan penyumberluaran kepada pihak ketiga.

Pokok matang seperti **getah**: Lesen kecil akan dikeluarkan bagi **pengeluaran hasil bukan kayu** (contoh: **lateks/susu getah**).

Pemantauan Tumbesaran Pokok: Petak Contoh Kekal (PCK)

- **Bilangan pokok:** 100 pokok dipilih untuk setiap PCK.
- **Kaedah**: **Bancian berkala** akan dilakukan untuk rekod pertumbuhan.

: Data akan dikumpul dan **dilaporkan ke JPSM** melalui sistem **e-PCK**.

Objektif Keseluruhan

- **Menyediakan data saintifik bagi pemilihan spesis ladang hutan terbaik.**
- **Meningkatkan keberkesanan pengurusan silvikultur di hutan terosot.**
- **Menyokong pembangunan ladang hutan berasaskan bukti dan inovasi.**

PERAK OXYGEN-LAND BANK (POLB)

Objektif Utama POLB

01 Merealisasikan **konsep hutan bukan hanya untuk kayu** (*Forest Beyond Timber*)

02 Menyokong komitmen negara untuk mengekalkan **≥50% keluasan tanah** sebagai kawasan berhutan

03 **Meningkatkan kualiti dirian hutan**

04 Menjana **pendapatan alternatif** kepada Kerajaan Negeri

05 Meningkatkan **imej Perak** sebagai negeri prihatin alam sekitar

Program jangka panjang
(Long-term programme)
dilaksanakan oleh
Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk)

2019

Lokasi Utama di **Hutan Simpan Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan**

Perak Oxygen Land Bank

Siapa Yang Boleh Sertai?

POLB ditawarkan kepada pelbagai pihak melalui pendekatan *Corporate Social Responsibility* (CSR) seperti:

- Badan Korporat
- Syarikat Swasta
- NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
- Individu

Pendekatan Program

- Melalui program pokok angkat dan penanaman pokok
- Tapak utama ialah petak percubaan tanaman spesies ladang hutan
- Menyokong kelestarian hutan dan pengurangan kebergantungan terhadap hasil tebangan



Faedah POLB

KERAJAAN	ALAM SEKITAR	PESERTA
Sumber hasil baharu	Udara lebih bersih	Sumbangan kepada CSR
Kurang kebergantungan hutan asli	Biodiversiti terpelihara	Imej syarikat/individu meningkat
Reputasi hijau negeri meningkat	Ekosistem hutan terpelihara	Sijil penghargaan

PETAK FENOLOGI

JPSM telah menubuhkan beberapa petak fenologi di HSK Perak.

Tujuan Penubuhan Petak Fenologi

01 **Memerhati perubahan fenologi** pokok (bunga, buah, luruhan daun dll.)

02 **Menentukan masa sesuai** untuk **kutipan biji benih berkualiti**

03 Menyokong pemuliharaan sumber genetik hutan secara saintifik

Tanggungjawab Pemantauan

- Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi akan membuat:
  - **Pemerhatian berkala**
  - **Laporan status pokok** dan perubahan biologi
- Data dilaporkan melalui sistem e-FORGRIS

Maklumat Pelaksanaan

BUTIRAN	KETERANGAN
Agensi Pelaksana	**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)**
Lokasi Petak	**Beberapa kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Perak**
Jenis Pemerhatian	**Fenologi (musim berbunga, berbuah, luruh daun)**
Tujuan Akhir	**Kutipan biji benih tepat masa dan berkualiti tinggi**

e-FORGRIS

Electronic Forest Genetic Resources System

Fungsi	Pusat data pemerhatian fenologi pokok hutan
Kod Unik	Setiap petak fenologi direkod mengikut kod yang ditetapkan
Kegunaan	Rujukan dan penyelarasan kutipan benih seluruh negara

Manfaat Penubuhan Petak Fenologi

- Menjamin **sumber biji benih berkualiti**
- Menyokong **usaha penghijauan dan penanaman semula**
- Memelihara **kepelbagaian genetik pokok hutan**
- Menyediakan data saintifik untuk **pengurusan silvikultur**

RAWATAN DAN PENYELENGARAAN LADANG HUTAN

Perincian Projek-Projek Terlibat

Jumlah peruntukkan diterima **RM140,000.00**

POLB – Blok B, Hutan Simpan Chikus
Kompt. 50, 51 & 64 Daerah Hutan Perak Selatan
Keluasan: **8 ha**
Perbelanjaan sebanyak **RM 43,990.00**

POLB (Projek Bumi Hijau) – Blok A, Hutan Simpan Chikus
Kompt. 58, Daerah Hutan Perak Selatan
Keluasan: **12 ha**
Perbelanjaan sebanyak **RM 15,920.00**

Petak Tanaman Jati – Hutan Simpan Bintang Hijau
Kompt. 31, 32 & 34, Daerah Hutan Hulu Perak
Keluasan: **40 ha**
Perbelanjaan sebanyak **RM 30,140.00**

Petak Tanaman Pelbagai Spesies – Hutan Simpan Bukit Tapah
Kompt. 24, Daerah Hutan Perak Selatan
Keluasan: **3.3 ha**
Perbelanjaan sebanyak **RM 19,923.30**

Petak Tanaman Karas – Hutan Simpan Kota Siam
Kompt. 1, Daerah Hutan Kinta Manjung
Keluasan: **6 ha**
Perbelanjaan sebanyak **RM 29,922.60**

99.93%

RM139,895.90 **JUMLAH PERBELANJAAN**

PEROLEHAN BIJI BENIH DAN BAHAN TANAMAN

Tanggungjawab Seksyen

01 **Merancang, mengatur & memantau pengutipan biji benih**

02 **Menyelenggara kelengkapan dan peralatan berkaitan**

03 **Mengurus pengedaran biji benih ke tapak semaian daerah**



Pasukan memanjat pokok untuk mengambil biji benih

Kaedah Perolehan Digunakan

TEKNIK	KETERANGAN
Galah	**Untuk pokok rendah (3–5 meter)**
Kutip jatuh	**Biji benih dikutip di lantai hutan**
Lastik tali ke dahan	**Untuk menggugurkan buah pokok tinggi**
Goncang dahan dengan tali	**Menjatuhkan biji benih dari dahan**
Memanjat pokok	**Menggunakan *Single Rope & Double Rope Technique* (SRT/DRT)**

Latihan & Penyertaan

- Terbuka kepada semua warga JPNPk
- Latihan asas: Penggunaan peralatan & teknik ikatan
- Latihan lanjutan: Untuk pasukan pemanjat pokok

Aktiviti Tambahan

- Demonstrasi perolehan biji benih
- Pameran peralatan & kelengkapan memanjat
- Penyertaan dalam program rasmi (awam dan agensi)

Rekod Kutipan Biji Benih Tahun 2024

HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	SPESIES	JUMLAH KUTIPAN ANAK BENIH	BERAT (kg)
Gunung Bersout	Perak Selatan	Keruing mempelas (*Dipterocarpus crinitus*)	3,850	7
Bukit Nenas	W.P Kuala Lumpur	Keruing kesat (*Dipterocarpus gracilis*)	675	1.5
Gombak	Selangor Tengah	Gerutu pasir (*Parashorea densiflora*)	8,256	51.6
Sg.Bil (Tanah Kerajaan)	Perak Selatan	Keruing bulu (*Dipterocarpus boudii*)	4,800	16
Papulut	Hulu Perak	Mersawa merah (*Anisoptera megistocarpa*)	4,200	7
Rimba Teloi	Kedah Tengah	Merpauh (*Swintonia*)	1,625	2.5
Rimba Teloi	Kedah Tengah	Resak daun panjang (*Vatica nitens*)	1,540	3.5
Rimba Teloi	Kedah Tengah	Meranti sarang punai (*Rubroshorea parvifolia*)	1,560	1.2
Rizab Perhilitan Sungkai Gunung Bersout	Perak Selatan	Meranti tembaga (*Rubroshorea leprosula*)	15,648	16.3
Bukit Tapah	Perak Selatan	Meranti bukit (*Rubroshorea platyclados*)	53,542	54.6
Korbu	Kuala Kangsar	Meranti sarang punai (*Rubroshorea parvifolia*)	14,690	11.3
Gombak	Selangor Tengah	Merantt seraya (*Robroshorea curtisii*)	4,920	4.1
Gombak	Selangor Tengah	Meranti melantai (*Robroshorea macroptera*)	950	1.9
JUMLAH KESELURUHAN			116,256	178.5

PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN

Latar Belakang

- Ditubuhkan: Tahun 2008
- Penjenamaan semula: Menjadi Pasukan Penyelamat Perhutanan selepas Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke-41 & ke-42
- Peranan utama:
  - Menangani kebakaran hutan
  - Menjadi pasukan penyelamat kecemasan berkaitan hutan di Negeri Perak

Fungsi & Tugas

- Mengesan & Memantau Titik Panas (Hotspot)
  - Menggunakan Analisa Data Raya (*Big Data Analytics* – BDA) daripada JPSM
- Operasi Pemadaman & Pencegahan Kebakaran Hutan
  - Bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
  - Dibantu oleh kakitangan Pejabat Hutan Daerah

Kerjasama Strategik

- JPNPk
- JPSM
- JBPM
- Pejabat Hutan Daerah

Operasi 2024

- Terdapat dua (2) Operasi Kebakaran Hutan berjaya dilaksanakan pada tahun 2024.

Laporan Kebakaran Bagi Tahun 2024

01 JANUARI

Tiada Rekod Kebakaran

02 FEBRUARI

Tiada Rekod Kebakaran

03 MAC

S	M	T	W	T	F	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

Lokasi : Sbhg. Kompt 38, Hutan Simpan Amanjaya Daerah Hutan Hulu Perak

Punca Kebakaran : Cuaca yang sangat panas

Keluasan : 2.0 Ha

Lokasi : Sbhg. Kompt 333, Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hutan Hulu Perak

Punca Kebakaran : Kebakaran oleh orang awam

Keluasan : 10.0 Ha

04 APRIL

Tiada Rekod Kebakaran

05 MEI

Tiada Rekod Kebakaran

06 JUN

Tiada Rekod Kebakaran

07 JULAI

Tiada Rekod Kebakaran

08 OGOS

Tiada Rekod Kebakaran

09 SEPTEMBER

Tiada Rekod Kebakaran

10 OKTOBER

Tiada Rekod Kebakaran

11 NOVEMBER

Tiada Rekod Kebakaran

12 DISEMBER

Tiada Rekod Kebakaran



JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk memantau perlaksanaan dan menyelia segala aktiviti yang mempunyai risiko melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memastikan kakitangan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya serta sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Ini bagi memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JPNPK yang telah diwujudkan.

Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan



Lantikan Ahli Silih Ganti

01 WAKIL MAJIKAN (KEBAJIKAN)
Nurul Naim binti Jamry

02 WAKIL MAJIKAN (LATIHAN)
Nurul Iezzati Mohd Alias

03 WAKIL MAJIKAN (KEMALANGAN)
Siti Aisyah binti Yaakob

04 WAKIL MAJIKAN (BANGUNAN)
Mohd Faizul bin Baharin@Baharuddin

05 WAKIL MAJIKAN (KENDERAAN)
Mohd Risham bin Abdul Rahim

06 WAKIL PEKERJA (KEBAJIKAN)
Fizairi bin Razali

07 WAKIL PEKERJA (LATIHAN)
Azlin binti Ismail

08 WAKIL PEKERJA (KEEMALANGAN)
Wan Noor Asyikin binti Anuar

09 WAKIL PEKERJA (BANGUNAN)
Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi

10 WAKIL PEKERJA (KENDERAAN)
Ahmad Solehuddin bin Zulkifli

11 WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR
Norbaizura binti Aris

12 WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK
Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini

13 WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT MATANG
Zuraini binti Sarudin

14 WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN
Mohamad Syazmel bin Abdul Rasid

15 WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG
Khairulrizal bin Abu Kassim

*Selain wakil Daerah lantikan Ahli Silih Ganti perlu dilantik kakitangan yang berkhidmat di Pejabat Perhutanan Negeri, Ipoh Sahaja

PROJEK PERHUTANAN HUTAN SOSIAL

Perhutanan Sosial merupakan Program yang melibatkan Orang Asli dan masyarakat setempat dalam pengurusan hutan secara lestari melalui inisiatif sendiri dan kerjasama dengan pihak berkepentingan.

Matlamat Utama

SOSIAL	EKONOMI	BUDAYA	ALAM SEKITAR
Menjamin kesejahteraan komuniti bergantung hutan	Menjana pendapatan melalui aktiviti hutan lestari	Mengekalkan amalan dan warisan tradisi	Memulihara dan melindungi biodiversiti serta hutan terdegradasi

Peranan Perhutanan Sosial

01 **Pemeliharaan & Pemuliharaan Hutan**
Melalui kerjasama komuniti tempatan

02 **Mengawal Pencerobohan Hutan**
Komuniti sebagai "mata & telinga" kawasan HSK

03 **Peningkatan Sosio-Ekonomi**
Peluang pekerjaan melalui aktiviti hutan & ekopelancongan

Aktiviti Yang Dijalankan

- Ekopelancongan komuniti
- Taman rekreasi & pendidikan alam
- Program pendidikan & kesedaran alam sekitar

Program Pemukiman 2024 Yang Telah Dijalankan Di Negeri Perak

Fokus kepada:

- Kajian integrasi perhutanan sosial dan ekopelancongan
- Pemuliharaan spesies endemik Gerutu pasir daun besar (*Parashorea globusa*)

28 Ogos 2024 | Lata Ulu Chepor, Perak Kerjasama JPNPk & JPSM



Penerangan dari panel berkaitan tujuan Projek Perhutanan Hutan Sosial

Sokongan Kerajaan Negeri Perak

- Menyokong usaha perhutanan hutan sosial dalam HSK
- Menjamin kebajikan & penglibatan komuniti Orang Asli
- Meningkatkan taraf hidup dan kemampanan jangka panjang



Agensi dan komuniti yang terlibat di dalam Program Pemukiman Bagi Pemerkasaan Projek Perhutanan Hutan Sosial Negeri Perak

SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

Merujuk kepada *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) hasil hutan bukan kayu (HBK) didefinisikan sebagai produk biologi asli selain kayu yang diambil dari hutan untuk keperluan manusia. Hasil bukan kayu adalah buluh, rotan, tumbuhan ubatan (herba), damar, buah-buahan liar, palma, getah, dan paku-pakis. Hasil bukan kayu merupakan salah satu sumber daya hutan yang memiliki hubung kait yang rapat dengan masyarakat sekitar hutan. Kepentingan hasil bukan kayu telah termaktub di dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025. Melalui beberapa kajian yang telah dijalankan, tidak dapat dinafikan lagi bahawa sumber hasil hutan bukan kayu yang paling penting di Malaysia dan juga beberapa negara Asia Tenggara yang lain adalah buluh dan rotan.

Sepanjang tahun 2024, Jumlah lesen HBK yang aktif adalah seperti berikut:

JENIS HASIL HUTAN	BIL. LESEN
Rotan	8
Buluh	12
Pasir	6
Tongkat Ali	1



PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA

Sebanyak RM270,000.00 telah diperuntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) untuk Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba. Daripada jumlah tersebut RM249,959.80 telah dibelanjakan bagi tujuan tawaran semula kerja-kerja menyiapkan kemudahan infrastruktur Taman Pemeliharaan Ex-Situ Herba Lenggong, Daerah Hulu Perak. Manakala RM20,000.00 dibelanjakan untuk perkhidmatan membekal Hlt 28 UV Solar, Tag Nama Tanaman, Bahan Tanaman Dan Baja Bagi Taman Herba Lenggong, Daerah Hulu Perak. Penubuhan Taman Herba, Lenggong Perak adalah berfungsi sebagai "muzium etnobotani" dan juga sebagai takungan gen bagi kebanyakan sumber tumbuhan yang boleh didapati di Daerah Hulu Perak.

KURSUS & LATIHAN PERHUTANAN

Jabatan ini komited terhadap program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan terutamanya berkaitan skop perhutanan. Pada tahun 2024, sejumlah 38 kursus/bengkel/taklimat berjaya dilaksanakan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM312,548.04 daripada RM330,000.00 yang diperuntukan di bawah Program Latihan dan Kursus Kakitangan.

JANUARI-OGOS 2024



Januari
16-19

Kursus Pengecaman Pokok dan Dendrologi Siri 1

Februari
6-8

Kursus Pemahaman Pensijilan Pengurusan Hutan Mengikut Standard MC&I SFM Siri 1

Februari
14-16

Kursus Pembangunan Hutan (POST-F, CL & Tanaman mengaya)

Februari
21-23

Kursus Pengurusan dan Pengendalian Kereta Jabatan [Pancuan Empat Roda (4x4)]

Februari
27-29

Kursus Pengurusan Sisa Buangan Terjadual

Mac
4-6

Kursus Pemahaman ISO Siri 1

Mac
6-8

Kursus Penandaan Pokok & Sempadan (*Tagging*)

Mac
4-7

Kursus Asas Pemantapan "*Tree Climbing*" & Perolehan Biji Benih



Mac
27

Kursus Penggunaan Drone dan Telefon Satelit



Mei
14-16

Kursus Pengecaman Isi Kayu Siri 1

Mei
23

Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Mei
27-28

Kursus Penyelarasan Projek Seksyen Kejuruteraan Bersama Seksyen Hutan Lipur

Mei
28-29

Kursus Asas Berenang & Menyelamat Di Dalam Air

Mei
29-31

Kursus Pemahaman ISO Siri 2

Jun
12-13

Kursus Pengendalian Kenderaan Jabatan Di Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Jun
24-28

Kursus Pengecaman Pokok dan Dendrologi Siri 2

Jun
25-27

Bengkel Pengemaskinian Maklumat Sumber Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Julai
9-10

Kursus Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Siri 1



Julai
24-26

Kursus Mesurasi Hutan

Julai-Ogos
30-1

Kursus Penandaan Pokok Secara *Timber-Tagging*

2024 OGOS-NOVEMBER

Ogos
13-16

Kursus Penggunaan ArcGIS

Ogos
19-23

Kursus Kepimpinan dan Semangat Berpasukan

Ogos
21-23

Kursus Inventori Selepas Tebangan (POST-F)



Ogos
28-30

Kursus Tebangan Berarah dan Pembalakan Berimpak Rendah

Ogos
26-30

Kursus Pengenalan Kepada Organisasi untuk kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2024

September
2-4

Kursus Pemahaman Pensijilan Pengurusan Hutan Mengikut Standard MC&I SFM (Siri 2)



September
24-25

Kursus Industri Berasas Kayu (IBK)

September
24-27

Kursus Pengecaman Pokok dan Dendrologi Siri 3

September-Oktober
30-3

Kursus Pengecaman Isi Kayu Siri 2

Oktober
16-18

Kursus Etika dan Disiplin dalam Pekerjaan

Oktober
21-22

Program Pengukuhan Pasukan bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Oktober
21-25

Kursus Asas Pemantapan Organisasi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak





November
4-8

Kursus mencari dan menyelamat (S.A.R) di dalam Hutan dan Pemadaman Kebakaran Hutan

November
11-13

Mesyuarat Pindaan Kaedah-Kaedah Hutan 1988 (Pindaan) 2021 dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990, Jabatan Perhutanan Negeri Perak





Kayu *Shorea lumutensis* boleh dikenalpasti sebagai kumpulan kayu balau dengan ciri-ciri diagnostik anatomi kayu iaitu kehadiran salur resin secara menegak dan bersaiz lebih kecil daripada liang, kebanyakkan liang adalah tunggal, saiz liang adalah sederhana besar, terdapat kehadiran tilosis.

ARTIKEL



BALAU PUTIH
(*Shorea lumutensis*)

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi





Petak HCV Balau putih (*Shorea lumutensis*) ditubuhkan pada tahun 2007 dan terletak di Kompartmen 39, 40 dan 42, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Hutan Kinta/Manjung dengan keluasan 50 hektar. Balau putih (*Shorea lumutensis*) juga dikenali oleh masyarakat tempatan di Malaysia sebagai Balau putih, Balau Bukit atau Damar laut dan mudah dikenalpasti berdasarkan warna putih yang terdapat di bawah daunnya (Ashton, 1982; Smith & Kochummen, 1979). Balau putih mempunyai taburan pokok yang terhad (Lee et al., 2006) dan ianya hanya tumbuh pada ketinggian 300m hingga 500m dari paras laut (a.p.l) (Evans, 1995 dalam Hidayah et. al., 2020) dengan keadaan tanah dan topografi tertentu (Ashton,1982; Plotkin et al., 2000). Menurut Boshier D. (2011), Balau putih secara amnya tumbuh dalam kelompok kecil di Hutan Dipterokarpa Bukit dengan ketinggian >100m dari aras paras laut (a.p.l). Pokok biasanya akan mudah didapati di bahagian permatang, cerun bahagian atas dan tidak di bahagian lembah yang rendah (Boshier D., 2011).

Sebanyak 30 spesies dipterokarpa adalah endemik di Semenanjung Malaysia dan 12 spesies dianggap jarang ditemui dan salah satu daripadanya adalah Balau putih (*Shorea lumutensis*) yang merupakan salah satu spesies *hyper* endemik kerana telah mengalami kekurangan populasi sekurang-kuranganya 80% dalam tempoh 10 tahun (Boshier D., 2011). Spesies ini juga telah diklasifikasikan sebagai *critically endangered* (Chua et al., 2010; *International Union for Conservation of Nature* [IUCN],2012). Penubuhan Petak HCV Balau putih ini merupakan salah satu langkah dalam melindungi spesies endemik ini bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan.

Pada tahun 2024, JPNPk melalui Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi telah berjaya menyediakan maklumat mikroskopik anatomi kayu, morfologi gentian, ketumpatan kayu, dan potensi ubatan bagi spesies Balau putih di kawasan Kompt. 39, 40 & 41, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa kayu Balau putih tidak sesuai digunakan dalam pembuatan produk papan lapis kerana mempunyai resin.

Namun, ketumpatan kayu Balau putih berada dalam julat tinggi, menandakan bahawa kayu ini mempunyai kekuatan struktur yang baik dan sesuai digunakan untuk aplikasi pembinaan yang memerlukan ketahanan lebih seperti pembinaan landasan kereta api, perabot berat, gazebo, pergola, tiang elektrik serta pembinaan bot.

Selain itu, kajian mengenai potensi ubatan ekstrak etanol Balau putih menunjukkan peratusan perencatan radikal bebas dan enzim *hyaluronidase* yang rendah. Namun, pada kepekatan sampel 100 µ g/ml, kedua-dua ujian antioksidan dan antiradang menunjukkan kesan perencatan, yang dijangka akan meningkat dengan peningkatan kepekatan sampel. Penemuan ini mengesahkan potensi ubatan spesies Balau putih, dengan kehadiran sebatian kimia seperti *flavonoid, saponin* dan *tannin* yang menyokong potensi perubatan tersebut. Namun, untuk memahami sepenuhnya potensi ubatan spesies Balau putih, kajian lanjut yang lebih komprehensif diperlukan bagi menilai dengan lebih terperinci keberkesanan dan aplikasinya dalam perubatan.





















RESAK ABDULRAHMAN (*Vatica abdulrahmaniana*)

Disediakan oleh: Khairullah bin Abd Latiff
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi



Petak HCV Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* ditubuhkan pada tahun 2016 dan terletak di Kompartmen 127, Hutan Simpan Kledang Saiong, Daerah Hutan Kuala Kangsar, Perak. Keluasan petak adalah 10 hektar. Hutan ini dikategorikan sebagai Hutan Dipterokarp Bukit. Sempadan petak dari stesen A ke stesen B merupakan jalan ke stesen telekomunikasi dan juga tempat beriadah kepada penduduk setempat. Spesies ini tumbuh di kawasan lereng bukit yang curam.

Penubuhan petak HCV ini bertujuan untuk melindungi spesies Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* yang merupakan endemik di Hutan Simpan Kledang Saiong, Perak. Spesies ini diklasifikasikan sebagai *Endangered (EN)* dan berada di dalam Senarai Merah Spesies Terancam *International Union For Conservation Of Nature (IUCN)*. Dengan penubuhan petak HCV ini, ia memudahkan pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk membuat kajian dan pengumpulan data spesies ini dalam melaksanakan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan serta penambahbaikkan dari masa ke masa.

Pokok ini telah ditemui pada tahun 2015 dan direkodkan sebagai penemuan baru. Spesies ini dinamakan bersempena dengan nama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim. Spesies ini telah direkodkan dalam herbarium Malaysia. Ia merupakan spesies endemik yang hanya boleh didapati di Kledang Saiong. Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* berbeza dengan spesies Resak yang lain kerana ia mempunyai parut daun menonjol dan tunas ketiak berterusan pada ranting yang lebih tua. Ia dikesan tumbuh di kawasan cerun bukit lebih 30 darjah dan berada di ketinggian 720m. Mengikut catatan rekod Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* mempunyai 23 spesies yang berlainan dan kajian mendapati Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* awalnya ditemui oleh C.F Symington pada tahun 1931 dengan nama *Vatica* sp A.





Pengenalan kepada spesies ini ialah melalui ciri utama pokok ini yang bersaiz besar, tidak berbanir dengan ketinggiannya boleh mencecah sehingga 20m dan diameter maksimum 130cm. Rupa batangnya berwarna coklat kelabu dengan kulit yang agak licin dan kayu gubalnya berwarna kuning berkrim. Manakala daunnya pula berbulu coklat keemasan pada lamina daun dan parut daun menonjol pada daun yang lebih tua. Berbentuk daun elips berukuran lebih kurang 20cm panjang x 7cm lebar dimana pangkalnya tumpul dan lebih kepada bulat. Bunganya pula berbentuk bujur seperti pisau bedah dan berwarna hijau ketika segar.

Bancian yang telah dijalankan setiap dua (2) tahun sekali mendapati pokok yang paling besar direkodkan bersaiz 128.6 cm diameter iaitu pokok bernombor 14, manakala pokok yang paling kecil diameter ialah 11.0 cm iaitu pokok bernombor 50. Terdapat 67 anak pokok jaras dan 116 anak benih ditemui. Bilangan pokok paling banyak ialah dari kelas diameter pokok 10 cm – 19.9 cm iaitu 13 pokok. Kelas diameter pokok yang paling sedikit ialah dari kelas 40 cm – 49.9 iaitu enam (6) pokok. Kelas diameter pokok 60 cm dan ke atas merupakan kelas yang mempunyai jumlah isipadu serta majoriti keluasan pangkal adalah 64.47 m^3 dan 4.38 m^2.





Hasil pemerhatian yang dijalankan mendapati kadar pertumbuhan spesies Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* adalah baik dengan mengambil kira bilangan anak pokok jaras dan anak benih yang dijumpai. Pihak jabatan akan meningkatkan aktiviti kutipan anak benih untuk disemai di samping menjalankan kerjasama dengan Institut penyelidikan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, NGO, pihak swasta dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam usaha memulihara dan memelihara spesies Resak abdulrahman *(Vatica abdulrahmaniana)* yang semakin pupus.

KESAN PEMBALAKAN TERHADAP EKOSISTEM HUTAN

Disediakan oleh: Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari
Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan

Pembalakan dapat didefinisikan sebagai penebangan, pemotongan, pemprosesan kayu balak, dan memuatkan pokok atau balak tersebut ke atas lori. Dalam bidang perhutanan, istilah pembalakan ini sering digunakan dalam bentuk terhad berkait dengan logistik memindahkan kayu dari tunggul kepada kawasan di luar hutan, biasanya ke kilang gergaji atau kilang papan. Bagaimanapun istilah pembalakan secara umumnya digunakan di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan hutan.

Aktiviti pembalakan merupakan salah satu sektor atau perindustrian yang penting bagi sesebuah negara khususnya Malaysia yang mempunyai liputan kawasan berhutan yang luas. Walau bagaimanapun, aktiviti pembalakan ini juga memberikan impak negatif kerana ia merupakan satu aktiviti bagi mengeksploitasi sumber kayu dan membuka kawasan untuk pembangunan, sekaligus mengurangkan khazanah alam yang berharga buat negara kita. Seperti dimaklumkan, aktiviti pembalakan memberikan impak negatif ke alam sekitar kita namun terdapat juga impak positif yang didapati sekiranya aktiviti ini dijalankan secara terurus dan terkawal. Oleh demikian, aktiviti ini perlu dijalankan melalui langkah perundangan dan pengurusan yang ketat dan sistematik.

Antara impak positif yang didapati daripada aktiviti pembalakan secara sistematik dan terkawal adalah kenaikan spesies ataupun sumber bagi Hasil Hutan Bukan Kayu (NFTPs). NFTPs didefinisikan sebagai bahan biologi selain kayu balak yang diambil dari hutan dan memberikan manfaat kepada manusia. NFTPs memainkan peranan penting dalam ekosistem dan ekonomi, bukan sahaja di Malaysia, malah di negara-negara Asia Tenggara. Menyedari akan kepentingan NFTPs, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah melantik FRIM Incorporated Sdn. Bhd. bagi melakukan Kajian Penilaian Hasil Hutan Bukan Kayu (*Non-Timber Forest Products*, NFTPs) di Hutan Simpan Temenggor, Daerah Hutan Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan. Kajian dilakukan di Hutan Simpan Temengor, Daerah Hulu Perak tersebut hanya menumpukan kepada empat (4) jenis sumber utama NFTPs sebagai fokus utama inventori, iaitu buluh, rotan, tumbuhan ubatan, dan pokok-pokok buahan nadir. Melalui kajian tersebut, didapati empat (4) sumber NFTPs tersebut lebih mudah tumbuh dan dijumpai di kawasan terbuka seperti bekas kawasan pembalakan.

Menurut kajian, kebanyakan spesies buluh yang dijumpai didapati tumbuh subur dan mendominasi kawasan yang baru dibuka atau hutan sekunder, dan perkara ini memperkukuhkan lagi pemerhatian bahawa buluh tumbuh lebih subur di kawasan yang telah mengalami proses pembalakan. Kehadiran kepelbagaian spesies buluh yang ditemui dapat mencerminkan keadaan ekosistem hutan tersebut yang terpelihara dan kaya dengan biodiversiti.

Seterusnya, menurut kajian didapati Hutan Darat dibalak berusia 1-10 tahun memperlihatkan kehadiran spesies rotan yang pelbagai. Perkara ini berlaku, kerana fasa pemulihan awal yang mencipta persekitaran yang lebih terbuka dengan cahaya matahari yang banyak menembusi kanopi.

Keadaan ini memberi peluang kepada pelbagai spesies rotan yang memerlukan lebih banyak cahaya untuk bercambah dan tumbuh. Tanah yang terganggu dan adanya ruang kosong juga menyediakan habitat yang sesuai untuk pelbagai spesies rotan yang memerlukan tanah yang terdedah dan faktor habitat tertentu untuk pertumbuhan awal. Hubungan antara bilangan rotan dengan keadaan hutan ini mencerminkan tahap pemulihan dan keadaan kanopi yang sedang terbentuk.

Kajian juga telah dilakukan bagi tumbuhan ubatan dan pokok buah-buahan nadir dan analisa daripada kajian tersebut mendapati stok tumbuhan ubatan adalah paling tinggi ditemui di strata Hutan Darat dibalak berusia lebih 30 tahun manakala bilangan tertinggi bagi pokok buah-buahan nadir dapat ditemui di strata Hutan Darat dibalak berusia 11-20 tahun. Analisa yang dilakukan ini mengukuhkan lagi kajian, di mana tumbuhan ubatan dan pokok buah-buahan nadir biasa dijumpai dan lebih subur di kawasan hutan yang telah dibalak kerana mempunyai ruang terbuka sekaligus memberikan cahaya yang tinggi sekaligus menjadi tempat yang sesuai bagi spesies tersebut untuk tumbuh.

Kesimpulannya, walaupun aktiviti pembalakan tersebut menyebabkan sumber pokok berkayu diambil dari hutan, sekiranya aktiviti dilakukan secara terkawal dan sistematik, aktiviti ini juga telah memberikan satu faktor utama untuk spesies NFTPs lebih subur untuk tumbuh dan menyokong pertumbuhan pokok berkayu dan menyebabkan proses pemulihan terhadap hutan berlaku sekaligus mengekalkan ekosistem dan kelestarian alam tersebut.



MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh: Muhammad Qayyum Bin Muhamad Suhaimi
Seksyen Penguatkuasaan Hutan



Perasmian Hari Hutan Antarabangsa oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan YBhg. Pengarah Perhutanan Negeri Perak menanam pokok sempena Program Penghijauan Malaysia, 100 juta pokok.



Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bergambar bersama pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 31 APRIL 2024

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kebangsaan telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2024 di Negeri Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi menjayakan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa bagi tahun 2024 bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, Ipoh Perak.

Pengisytiharaan Hari Perhutanan Sedunia telah dipersetujui oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) pada 21 Mac 1972 dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai perhutanan, pemeliharaan dan pemuliharaannya untuk kesejahteraan dan kestabilan alam sekitar.

Tanggal 21 Mac dipilih adalah kerana pada tarikh tersebut bermulanya Musim Bunga di Hemisfera Utara di mana pokok-pokok telah kelihatan menghijau dan berbunga selepas musim sejuk.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 ini telah diraikan secara bersama dengan Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 juta pokok.

Sambutan HHA pada tahun ini bertemakan "Hutan Dan Inovasi" tema pada tahun ini mengetengahkan penggunaan teknologi dalam usaha memelihara dan memulihara hutan. Maka tema ini dipilih sebagai tema sambutan HHA bagi tahun 2024 oleh *Food and Agriculture Organization* (FAO).

Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan tahun 2024 ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Turut hadir bersama adalah YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tempoh sambutan HHA ini berlangsung. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti Larian Hari Hutan Antarabangsa, Pameran Perhutanan, Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan serta Majlis Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan 2024.

Seramai lebih 4,000 orang pengunjung yang terdiri daripada orang awam telah turut serta memeriahkan sambutan pada tahun ini dengan melawat gerai yang telah disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Selain daripada itu Ketua Jabatan di Negeri Perak, agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Jabatan Perhutanan Negeri, Murid-murid Sekolah, IPTA, NGOs dan lain-lain lagi telah dijemput bersama-sama.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 DAN APRESIASI PESARA TAHUN 2024 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Noor Jumaatun binti Mat Daud
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

9 OGOS 2024





IPOH - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia diiringi oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak turut hadir bersama di atas pentas Tuan Haji Othman bin Deris, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Tuan Azni Rahman bin A.Wahid, Timbalan Pengarah (Operasi).

Seramai 55 orang penerima APC Tahun 2023 iaitu pada kuota sebanyak lapan (8) peratus daripada jumlah pengisian keseluruhan perjawatan di Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta majlis ini turut meraikan seramai 15 orang pegawai yang telah dan akan bersara pada tahun 2024 dan untuk julung kalinya pihak pengurusan telah bersetuju memberikan Anugerah Khas Pengarah kepada 20 orang penerima sebagai suntikan semangat dan penghargaan atas khidmat penuh dedikasi yang telah diberikan pada tahun 2023. Majlis APC kali ini bertemakan "*Red Carpet*" diadakan di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Upacara gilang gemilang ini turut disaksikan dengan kehadiran penuh seramai 300 kakitangan jabatan sebagai tanda sokongan kepada yang diraikan.



Majlis ini turut menyaksikan pelancaran Sistem e-CARD iaitu sebuah rangkaian yang dibangunkan untuk Pendaftaran Maklumat Pekerja Pembalakan di mana ianya adalah secara atas talian bagi sistem pendaftaran Kontraktor Pembalakan, Kepala Hutan, Penebang Pokok dan semua pekerja hutan di kawasan usahahasil. Setiap kad e-CARD yang dikeluarkan, mempunyai kod QR dan apabila ianya diimbas akan memaparkan semua maklumat mengenai pekerja hutan tersebut merangkumi maklumat pekerja, rekod latihan dan rekod kesalahan hutan. Selain dapat memantau jumlah pekerja dalam sektor pembalakan, e-CARD ini juga dapat membantu Jabatan dalam pemantauan penguatkuasaan. Pendaftaran e-CARD ini telah mula dilancarkan pada Januari 2024 dan sehingga kini seramai 402 individu telah didaftarkan di dalam sistem ini. Rangkaian ini dibangunkan adalah merupakan inisiatif jabatan dalam memastikan sistem pengurusan hutan secara berkekalan dapat diteruskan pada masa hadapan.

Ucapan tahniah dan syabas kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023. Semoga pengiktirafan ini akan mencetus dan merangsang motivasi seluruh anggota di Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI DI HUTAN SIMPAN BEHRANG, MUALLIM, PERAK

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi



Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Behrang, Muallim, Perak pada 1 - 2 Oktober 2024 bertempat di MH Hotel, Ipoh, Perak. Penganjuran seminar ini adalah lanjutan daripada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Behrang, Daerah Perak Selatan, Perak yang telah dilaksanakan pada 14 -18 Ogos 2023. Ekspedisi ini telah disertai oleh seramai 200 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Kebudayaan dan Warisan, *Forest House, Penang Botanic Garden* dan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST).



Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Behrang, Muallim, Perak telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan), JPSM pada 1 Oktober 2024. Manakala, YB Tuan Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan sukacitanya telah merasmikan majlis penutup seminar pada 2 Oktober 2024.

OBJEKTIF PENGANJURAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI DI HUTAN SIMPAN BEHRANG, MUALLIM, PERAK ADALAH BERTUJUAN UNTUK:

01

Mengumpul dan mendokumentasikan hasil kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi hutan yang telah diadakan di Hutan Simpan Behrang, Muallim, Perak;

02

Menyediakan *platform* kepada kumpulan pakar dan penyelidik membentang dan membincangkan hasil penemuan kajian dalam aspek fizikal kawasan, sumber biodiversiti dan produk ekopelancongan yang diperolehi di Hutan Simpan Behrang;

03

Memperkaya dan mengemaskini gedung ilmu dan pendokumentasian tentang biodiversiti yang masih banyak tersimpan dan belum diteroka di dalam Hutan Simpan Behrang; dan

04

Merangka halatuju kelestarian biodiversiti di Hutan Simpan Behrang sebagai perancangan pemuliharaan flora dan fauna serta membantu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri untuk menambahbaik pengurusan sumber semulajadi di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagian Biologi ini melibatkan pembentangan kertas kajian oleh para penyelidik dalam pelbagai bidang berkaitan ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekopelancongan dan sosioekonomi. Sebanyak 32 kertas kajian telah dibentangkan sepanjang seminar ini. Rumusan keseluruhan penemuan baharu yang diperolehi daripada Hutan Simpan Behrang telah disampaikan oleh Dr. Ahmad Fitri bin Zohari, Pensyarah, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, mewakili Prof. Emer. Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad, Ketua Ekspedisi Saintifik Kepebagaian Biologi Hutan Simpan Behrang yang tidak dapat hadir atas sebab kesihatan. Kesemua kertas kajian yang dibentangkan akan dimuatkan dalam Prosiding Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Behrang, Muallim, Perak.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak untuk memperkasakan tadbir urus dan amalan pengurusan hutan secara lestari serta menggerakkan Inisiatif Menangani Perubahan Iklim, sekaligus merealisasikan Pelan Perak Sejahtera 2030, hasil penemuan yang telah dibentangkan oleh para penyelidik daripada pelbagai bidang kepakaran merupakan satu usaha signifikan yang telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan dalam memperkukuhkan konservasi sumber hutan negara, khususnya di Negeri Perak. Penemuan baharu yang dibentangkan dalam seminar ini bukan sahaja menjadi bukti bahawa Daerah Muallim, Perak, memiliki potensi besar dalam pemeliharaan biodiversiti, tetapi juga memperkaya pengetahuan kita mengenai spesies-spesies yang ada. Selain itu, penemuan ini juga menekankan betapa pentingnya usaha untuk melindungi dan memelihara habitat semula jadi yang masih ada.













PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Noor Jumaatun binti Mat Daud
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia



BANDAR MERU RAYA, 8 – 23 OKTOBER 2024

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah berkuatkuasa mulai 01 Disember 2024. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) mengambil inisiatif di atas penurunan kuasa pihak pentadbiran pusat pada tempoh tersebut bagi melaksanakan sesi penyerahan dan menandatangani Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) melibatkan semua kakitangan di bawah pentadbiran ini.

Pada tempoh tersebut, pengisian sebanyak 709 anggota lantikan tetap daripada 778 jumlah keseluruhan skim perkhidmatan di pentadbiran ini yang terlibat secara langsung dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) iaitu seramai 708 anggota telah bersetuju untuk memilih tawaran opsyen di bawah skim baharu SSPA, terdapat seorang anggota yang tidak memilih dan seramai 29 anggota skim perjawatan yang terdiri daripada skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Awam dan Pemandu Kenderaan yang masih belum memenuhi syarat bagi opsyen tersebut.

Skim Perjawatan yang bakal dijumudkan di bawah Pentadbiran ini melibatkan 358 butiran perjawatan bagi tiga (3) skim di bawah Kumpulan Pelaksana Skim di Gred H11 hingga H14 iaitu Perjawatan Pemandu Kenderaan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Dimana ketiga-tiga skim tersebut dalam SSPA diselaraskan kepada Pembantu Khidmat Am Gred H1. Pengisian tiga (3) skim perkhidmatan pada tempoh tersebut, melibatkan seramai 315 anggota yang terdiri daripada 43 anggota Pemandu Kenderaan, sembilan (9) anggota Pembantu Operasi dan 263 anggota Pembantu Awam.

Dokumen dan pelaporan bagi surat tawaran opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) anggota di jabatan ini telah selesai diserahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sepenuhnya pada 11 November 2024.

Dengan terlaksananya SSPA ini, keseluruhan anggota di jabatan ini komited dan senantiasa berusaha merealisasikan aspirasi Reformasi Perkhidmatan Awam akan terus diperkasakan dengan menyemai sikap taat setia di kalangan Pegawai Awam serta mampu memberikan khidmat yang terbaik dalam memacu kesejahteraan Negara dan rakyat secara keseluruhannya.

PROGRAM MALAYSIA *ULTRA-TRAIL by* UTMB EDISI KE-7 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA *WORLD ENDURANCE MALAYSIA* SDN. BHD. DAN MMTF *CONSULTANT*

Disediakan oleh: Siti Aisyah binti Yaacob
Seksyen Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan









Sekitar Program Malaysia *Ultra-Trail by* UTMB Edisi ke-7





TAIPING, 14 – 17 NOVEMBER 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama *World Endurance Malaysia* Sdn. Bhd. dan MMTF *Consultant* telah berjaya menganjurkan Program Malaysia *Ultra-Trail* by UTMB Edisi ke-7 pada 14 hingga 17 November 2024 yang melibatkan penggunaan laluan denai di sekitar Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang. Malaysia *Ultra-Trail by* UTMB Edisi ke-7 ini merupakan Festival Larian yang diiktiraf di peringkat Antarabangsa yang mempertandingkan pelbagai kategori larian pada setiap tahun dan terbuka kepada penyertaan dari dalam dan luar negara. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan fungsi serta peranan hutan dengan memperkenalkan sukan larian denai hutan yang bertaraf antarabangsa sebagai produk baharu di Daerah Larut dan Matang dan secara tidak langsung dapat mencetus gelombang pelancongan berasaskan alam sekitar.

Pada tahun 2024, sebanyak empat (4) kategori larian telah dipertandingkan yang mana terdiri daripada kategori 13km, 25km, 50km dan 100km. Penganjuran *Malaysia Ultra-Trail by* UTMB Edisi ke-7 ini telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen tinggi dan kerjasama di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, *World Endurance Malaysia* Sdn Bhd, *MMTF Consultant* dan Agensi / Jabatan Daerah dan Negeri. Program Malaysia *Ultra-Trail by* UTMB Edisi ke-7 ini melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 3,000 orang peserta dari 34 buah negara.

Di dalam mempamerkan sokongan terhadap perkembangan sektor sukan dan pelancongan berteraskan alam semula jadi, Jabatan ini akan berusaha untuk sentiasa menyokong penganjuran program larian seumpama ini dan menjadikannya sebagai produk tarikan baharu bagi Negeri Perak.

PROGRAM *ROADSHOW* PELAKSANAAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) TAHUN 2024 NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari
Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan

IPOH, 3 DISEMBER 2024



Majlis Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. KSAS ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerima pakai Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. PIRECFS 2022 ini mengandungi lima (5) Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040.

Melalui kaji selidik yang dilaksanakan sebelum ini telah mendapati tahap kesedaran yang lemah berkenaan kewujudan PIRECFS oleh masyarakat awam. Merujuk kepada isu tersebut dan kepentingan CFS, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) daripada Kerajaan Persekutuan dalam menyokong pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 yang telah digariskan.

Penganjuran Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak ini adalah selari dengan Tindakan 4.3a di bawah PIRECFS 2022 iaitu Menyediakan Pelan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS melalui pelbagai medium dan kaedah promosi termasuk mengadakan *roadshow* dan pameran CFS secara berkala dan Tindakan 4.3b iaitu untuk Meningkatkan Kesedaran Serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara Dan Melindungi Hutan khususnya melibatkan kawasan CFS. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dalam program ini seperti pameran, taklimat pelaksanaan inisiatif PIRECFS daripada agensi pelaksana dan peluncuran laman web CFS Perak. Pembangunan laman web CFS Perak oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini merupakan satu langkah drastik dalam usaha mengukuhkan pelan promosi PIRECFS selari dengan perubahan teknologi maklumat serta menjadi *platform* perkongsian maklumat dan rujukan antara agensi pelaksana dan sokongan PIRECFS serta pemegang taruh. Laman web ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan hutan khususnya di rangkaian ekologi CFS Negeri Perak.

Program *roadshow* ini disertai agensi pelaksana PIRECFS seperti PlanMalaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi Kerajaan Peringkat Negeri Perak, Institut Pengajian Tinggi dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Penganjuran program ini juga turut mengukuhkan ukhwah dan kerjasama antara agensi/jabatan dan NGO dalam melaksana, memantau dan mengawal pembangunan dalam kawasan CFS Negeri Perak selari dengan Tindakan 4.1b di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Meningkatkan Koordinasi Dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan Dalam Pengurusan CFS.



Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak selaku wakil rasmi kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Peluncuran laman web CFS Perak oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak selaku wakil rasmi kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia





Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Lawatan pameran sempena Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Taklimat pelaksanaan inisiatif PIRECFS sempena Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Urus setia Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Majlis Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak

DELEGASI MELAWAT INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN NANNING, CHINA

Disediakan oleh: Syaril Izzat Bin Ramli
Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi



Lawatan ke Nanning, Guangxi, China telah diadakan pada 21 hingga 26 November 2024 dengan tujuan untuk menghadiri *World Forestry Industry Conference* 2024 serta melawat beberapa lokasi yang berkaitan dengan industri perhutanan dan penyelidikan, khususnya mengenai penanaman *eucalyptus* sebagai ladang hutan. Delegasi ini diketuai oleh Encik Rusli bin Tahir, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Perak, dan Encik Mohamad Farhan bin Sukiman (Penolong Pengarah Ladang Hutan & Inovasi) sebagai wakil Kerajaan Negeri Perak. Turut serta dalam delegasi adalah wakil dari Syarikat Lotus KFM, yang dijemput untuk menandatangani Persefahaman (MOU) dengan kerajaan China sempena *World Forestry Industry Conference* 2024.

Delegasi bertolak dari Kuala Lumpur pada 21 November dan tiba di Nanning, China. Pada 22 November, lawatan dimulakan dengan mengunjungi Bagui *Seedling Tissue Culture, Research Lab, Office,* sebuah pusat penyelidikan yang mengkhususkan diri dalam pembiakan tisu tanaman.

Delegasi turut mendaftar untuk menghadiri *World Forestry Industry Conference 2024* yang berlangsung selama beberapa hari. Pada 23 November, delegasi menghadiri pelbagai sesi perbincangan dan seminar yang membincangkan isu-isu semasa dalam industri perhutanan, kelestarian hutan, serta kerjasama antarabangsa dalam pemuliharaan sumber alam. Selain itu, delegasi juga melawat pameran yang memaparkan teknologi perhutanan terkini di China.

Pada 24 November, delegasi mengadakan lawatan ke Gaofeng *Forest Farm*, sebuah ladang hutan yang mengamalkan perhutanan mampan dan memberi pendedahan tentang pengurusan hutan. Pada 25 November, lawatan diteruskan dengan mengunjungi Jabatan Perhutanan Guangxi dan Institut Sains Perhutanan Guangxi, di mana delegasi diberi penerangan mengenai dasar dan penyelidikan dalam pengurusan serta pemuliharaan hutan.

Akhirnya, pada 26 November, setelah selesai menjalani semua aktiviti, delegasi bertolak balik ke Kuala Lumpur dengan membawa pulang pelbagai ilmu dan pengalaman yang berguna, yang dapat dimanfaatkan untuk pembangunan perhutanan di Malaysia. Secara keseluruhan, lawatan ini memberikan pendedahan berharga mengenai amalan terbaik dalam industri perhutanan serta kemajuan teknologi dalam pengurusan sumber hutan.



Encik Rusli bin Tahir, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Encik Muhamad Farhan bin Sukiman, Penolong Pengarah (Ladang Hutan dan Inovasi) berada di plot kajian tanaman *Eucalyptus spp* berusia 12 tahun di Institut Penyelidikan Perhutanan Nanning, China.



Delegasi berada di plot kajian tanaman *Eucalyptus spp* berusia 20 - 30 tahun di Institut Penyelidikan Perhutanan Nanning, China.



Delegasi diberi taklimat mengenai tanaman ladang hutan *Eucalyptus spp* berusia 3 tahun di ladang terbesar milik syarikat kerajaan di Nanning, China.



Sesi perkongsian bersama *Forest Science Research Institute* Guangxi



Penyerahan cenderamata antara Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNPk bersama Timbalan Pengarah *Forestry* Guangxi



Encik Rusli bin Tahir, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Encik Muhamad Farhan bin Sukiman, Penolong Pengarah (Ladang Hutan dan Inovasi) berada di pokok ladang hutan *Eucalyptus spp* berusia 30 tahun di ladang hutan *Eucalyptus spp* milik syarikat milik kerajaan, Nanning, China.

LAWATAN PENANDA ARAS DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN, KARBON DAN EKOPELANCONGAN DI NEGERI SABAH

Disediakan oleh: Muhammad Qayyum Bin Muhamad Suhaimi
Seksyen Penguatkuasaan Hutan



IPOH, 19 DISEMBER 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan lawatan Penanda Aras dan Perkongsian Ilmu Berkaitan Pengurusan Hutan, Karbon dan Ekopelancongan di Negeri Sabah pada 14 hingga 18 Disember 2024. Delegasi Jabatan Perhutanan Negeri Perak seramai 27 orang terdiri daripada Pegawai Hutan Daerah, Pegawai-pegawai Kanan dan ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri, YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf. Turut hadir bersama dalam lawatan ini adalah YBrs. Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiusaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan).

Selama empat (4) hari berada di bumi Sabah, pelbagai aktiviti yang sarat dengan ilmu dan pengalaman menarik dapat dipelajari oleh delegasi. Pada hari kedua berada di Sabah Mesyuarat MBJ Bil.3/2024 telah diadakan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Pada hari ketiga lawatan delegasi telah dibawa untuk melawat Pejabat Hutan Daerah Kota Kinabalu dan telah disambut oleh Ketua Bahagian Perancangan, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah iaitu Puan Rosila Anthony dan juga Pegawai Hutan Daerah Kota Kinabalu. Delegasi diberikan penerangan berkaitan pengurusan hutan, pengurusan karbon di Negeri Sabah dan juga perkongsian idea.

Lawatan diteruskan dengan delegasi dibawa melawat ke Taman Negeri Kinabalu dan telah disambut oleh YBrs. Tuan Justinus Guntabid, Ketua Penolong Pengarah Taman Kinabalu dan telah diberikan penerangan berkaitan pengurusan Taman Kinabalu. Delegasi seterusnya meneruskan perjalanan ke Daerah Kundasang dan bermalam disana.

Delegasi turut melawat Kundasang *Dairy Farm* untuk melihat bagaimana ladang ternakan lembu dapat menjadi produk ekopelancongan yang berjaya menyumbang kepada ekonomi Negeri Sabah. Seterusnya lawatan telah singgah ke Kampung Luanti Baru, Ranau untuk melihat bagaimana "Tagal" ataupun pemeliharaan ikan didalam Sungai Muroli yang dikelolakan oleh penduduk tempatan dan menjadi produk ekopelancongan yang dapat menjana ekonomi kepada semua penduduk kampung.

Lawatan Penanda Aras dan Perkongsian Ilmu Berkaitan Pengurusan Hutan, Karbon dan Ekopelancongan di Negeri Sabah telah berjaya mencapai matlamat untuk menimba pengalaman dan meningkatkan ilmu pengetahuan bagi mengaplikasikan dalam pentadbiran JPNPk.



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang dipengerusikan oleh Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak.



Delegasi Jabatan Perhutanan Negeri Perak





Lawatan Ke Pejabat Hutan Daerah Kota Kinabalu





Lawatan Ke Taman Kinabalu





Lawatan Ke Kundasang *Dairy Farm*





Lawatan Ke "Tagal" Sg. Muroli, Kg, Luanti, Ranau

Spesies dalam kumpulan kayu balau mempunyai ketahanan semula jadi dengan kehadiran kandungan bahan ekstraktif dalam kayunya yang bertindak sebagai melindungi kayu itu secara semula jadi (Tumirah et al. 2020).



PERISTIWA





16 JAN 2024

KERJA LAWATAN YBHG. DATO' PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE PUSAT EKO - PELAJARAN KUALA SEPETANG DAN TANUR ARANG





17 JAN 2024









MAJLIS PERASMIAN PENGUNDIAN KAK DAN KKJ DAN TANAMAN POKOK BAKAU OLEH YBHG. DATO' PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK

17 JAN 2024

LAWATAN KERJA YBHG. DATO' PPN KE TAPAK SEMAIAN DAN TAPAK KHEMAH KAKI BUKIT LARUT, PHD LARUT MATANG









18 JAN 2024









LAWATAN KERJA YBHG. DATO' PPN KE TER ULU KENAS DAN TAPAK SEMAIAN ULU PIOL, DAERAH HUTAN KUALA KANGSAR







7-14 FEB 2024

OPERASI BERSEPADU 'OPS TANGLUNG' JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK BERSAMA PDRM SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2024

Sg. Lebir, Daerah Hulu Perak

23 FEB 2024







LAWATAN KERJA KSU NRES KE TAMAN EKO RIMBA LATA KEKABU, LENGGONG PERAK

1-5 APR 2024

OPERASI BERSEPADU 'OPS KETUPAT' JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK BERSAMA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PERAK







18 APR 2024









"CEPA" PEMULIHARAAN HUTAN PAYA LAUT BERSAMA YB. DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK DAN PENGUSAHASIL HUTAN PAYA LAUT

Tanah Kerajaan Pulau Gula, Kerian





28
APR
2024

LARIAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2024

Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak





29
APR
2024









CERAMAH AGAMA KARNIVAL HARI HUTAN ANTARABANGSA DAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

30 APR 2024

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Bulatan Sultan Azlan Shah,
Bandar Meru Raya, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan









9 MEI 2024









PROGRAM "CEPA" PEMULIHARAAN HUTAN PAYA LAUT BERSAMA UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)

Hutan Simpan Tanjung Burung,
Daerah Kinta / Manjung









21 MEI 2024

PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN HIJAU 2024 DAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Hutan Simpan Sungai Tinggi, Daerah Larut Dan Matang

19 JUN 2024





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA 1445H

Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Daerah Kuala Kangsar

9 OGOS 2024

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 & APRESIASI PESARA 2024

Dewan Bankuet, Suk Perak















9 OGOS 2024

PELANCARAN SISTEM e-CARD [MAKLUMAT PEKERJA PEMBALAKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK]

Dewan Bankuet, Suk Perak









27 OGOS 2024

LAWATAN YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) KE KAWASAN PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Hutan Simpan Kledang Saiong, Kuala Kangsar, Perak

4-5 SEP 2024









TEAM BUILDING PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

Pulau Tali Kail, Daerah Hulu Perak

9
SEP
2024

KUNJUNGAN DELIGASI *GUANG XI FORESTRY DEPARTMENT* DAN PERSATUAN PERINDUSTRIAN KAYU KAYAN MALAYSIA (MWIA) KE PUSAT EKO - PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG, KUALA SEPETANG

Pusat Eko - Pelajaran Hutan Paya Larut Matang, Kuala Sepetang, Daerah Larut dan Matang

















26
SEP
2024

LAWATAN KERJA SEMPENA MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL MITIGASI KE ATAS PEMATUHAN PERUNDANGAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA (JKM3PA) INDUSTRI PERKAYUAN BIL.3 TAHUN 2024

Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hulu Perak









28 SEP 2024

NRES RAFTING EXPLORACE 2024
Gopeng, Perak

1-2 OKT 2024









SEMINAR EKSPEDISI KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN BEHRANG, MUALLIM, PERAK
MH Hotel, Ipoh

27
OKT
2024

MAJLIS KEMPEN
RAINFOREST CHALLENGE
(RFC) MADANI
CARE FOR NATURE
Taman Eko - Rimba Kledang Saiong









7
NOV
2024









LATIHAN PENGENDALIAN SENJATA API DAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2024
Lapang Sasar Ibu Pejabat Kontinjen Polis Perak









12 NOV 2024

PROGRAM PERAK *MANGROVE TREE ACTION* (PERMATA) -PROGRAM PEMBENIHAN ANGKAT DAN TANAMAN POKOK BAKAU ANJURAN PERWAKILAN DEWAN BELIA PERAK BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK









14-17 NOV 2024

MALAYSIA ULTRA TRAIL BY UTMB 2024 WORLD SERIES* JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA MMTF *CONSULTANT

Dataran Warisan, Taiping Dan Sekitar Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang

28-29 NOV 2024

PEMANTAUAN UDARA DALAM MELAKSANAKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN HUTAN BAGI DAERAH HUTAN HULU PERAK, KUALA KANGSAR, LARUT DAN MATANG, KINTA/ MANJUNG DAN PERAK SELATAN







2 DIS 2024









PROGRAM *ROADSHOW* PELAKSANAAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) TAHUN 2024 NEGERI PERAK

Hotel Casuarina, Ipoh

PROGRAM KONSERVASI TREK PENDAKIAN DI DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL





OGOS -DIS 2024







12

KERATAN AKHBAR

Pelbagai usaha diambil untuk pemuliharaan tumbuhan yang terancam, termasuk pemuliharaan in-situ dan ex-situ, serta mengisytiharkan kawasan tertentu sebagai hutan simpan kekal dan hutan nilai pemuliharaan tinggi (HCVF) (Yong et al. 2021).

SULTAN PERAK TITAH AMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP PENCURI NR-REE

IPOH - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan perbuatan 'harapkan pegar, pegar makan padi' dalam kalangan pegawai penguat kuasa yang bersekongkol dengan peneroka haram bahan mentah unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) dikenakan tindakan tegas.

Baginda bertitah, NR-REE yang begitu berharga diakui telah menarik perhatian pihak-pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melakukan pencerobohan melakukan operasi mengeluarkan mineral secara haram.

"Tindakan tegas dan pantas perlu diambil oleh agensi-agensi penguat kuasa terutama oleh Jabatan Perhutanan."Pegawai penguat kuasa yang bersekongkol dengan peneroka haram, hendaklah segera disiasat, dikenal pasti dan diambil tindakan tegas tanpa sebarang kompromi," titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Kedua Dewan Negeri Perak ke-15 di sini pada Jumaat. Turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Titah baginda, pelaksanaan projek perintis NR-REE di kawasan seluas 88 hektar di Mukim Kenering, Hulu Perak telah menghasilkan pengeluaran hampir 6,200 tan metrik karbonat REE dan berdasarkan 12 peratus royalti yang dikenakan daripada harga jualan, kerajaan negeri telah memperoleh kutipan royalti berjumlah RM25.2 juta bagi tahun 2023. "Dalam tahun 2024, kerajaan beta menyasarkan perolehan royalti melalui sumber mineral baharu ini akan mencecah RM50 juta.

Sebagai sumber mineral yang berpotensi menjana hasil negeri berdaya saing tinggi, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) menganggarkan terdapat 1.69 juta tan metrik deposit NR-REE di negeri ini dengan anggaran nilai RM40 bilion," titah baginda.

Titah Sultan Nazrin, kerajaan Perak kini berusaha merintis pembangunan 'Loji Pemprosesan Pusat' (Central Processing Plant-CPP) di peringkat sektor industri pertengahan dan pembangunan kilang-kilang berteknologi tinggi di peringkat sektor industri hiliran, bertujuan meningkatkan nilai harga pasaran bahan mineral berkaitan. "Beberapa lokasi strategik dikenal pasti untuk pembangunan Loji Pemprosesan Pusat.

"Dalam usaha merintis membangunkan industri pertengahan dan hiliran, kerajaan beta bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan Persekutuan, di samping merintis usaha menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat yang memiliki kepakaran dan teknologi khusus," titah baginda.

Disember lalu, seramai 31 individu termasuk 21 warga asing ditahan kerana disyaki melakukan aktiviti penerokaan NR-REE secara haram di Hutan Simpan Bintang Hijau, Hulu Perak.

Penahanan itu hasil serbuan polis bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) melalui Op Khazanah itu dilakukan di beberapa lokasi berasingan.



Sultan Nazrin berkenan memeriksa pasukan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat daripada Rejimen Askar Jurutera Diraja, 2 Divisyen sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Kedua Dewan Negeri Perak ke-15 di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada Jumaat.

16 Mac 2024

Sinar Harian

Saifullah Ahmad

PERAK BEKU PERMIT MASUK HUTAN, SIASAT KES BOM IKAN

IPOH - Jabatan Perhutanan Negeri Perak memaklumkan pembekuan pemberian kelulusan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal di daerah Hulu Perak dikeluarkan bagi membolehkan siasatan dilakukan berkaitan kes pengeboman ikan yang tular baru-baru ini. Pengarahnya, Datuk Mohd Basri bin Abdul Manaf berkata, arahan pembekuan tersebut juga dilakukan bagi tujuan penguatkuasaan dan pengawalan terhadap sumber hutan.

Menurutnya, pembekuan permit yang diumumkan itu melibatkan rekreasi lain seperti aktiviti kenderaan pacuan empat roda, motocross, basikal lasak, memancing dan sebagainya membabitkan empat Hutan Simpan (HS) iaitu HS Amanjaya, HS Banding, HS Temengor dan HS Gerik. "Arahan pembekuan ini adalah di atas faktor penguatkuasaan dan kawalan terhadap sumber hutan serta bagi memberi ruang kepada proses siasatan kes pengeboman ikan oleh sekumpulan ahli kelab pacuan empat roda yang tular di media sosial baru-baru ini.

"Jabatan ini juga telah membuat satu laporan polis berkaitan kes tersebut pada 14 Mac 2024 bagi tindakan siasatan lanjut di bawah seksyen 47 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 kerana disyaki memasuki Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam perkembangan berkaitan, Datuk Mohd Basri berkata, pihaknya juga akan membuat kajian semula bagi prosedur serta kajian berkaitan impak aktiviti kenderaan pacuan empat roda terhadap dirian hutan. Jelasnya, satu perbincangan dengan pengusaha aktiviti kenderaan pacuan empat roda itu akan diadakan dalam masa terdekat. "Mana-mana kumpulan atau individu dinasihatkan agar tidak memasuki mana-mana hutan simpanan kekal tanpa Permit Memasuki Hutan. "Pelanggaran terhadap arahan ini jika disabitkan boleh didakwa di bawah seksyen 47 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985," katanya.

Pada Jumaat, Sinar Harian melaporkan Jabatan Perhutanan Perak mengeluarkan notis arahan pembekuan kelulusan permit memasuki empat hutan simpanan kekal di daerah Hulu Perak bagi tujuan rekreasi berkuat kuasa serta-merta. Tempoh pembekuan itu dilaksanakan selama tiga bulan bermula pada Jumaat sehingga 15 Jun depan. Pada Selasa, Sinar Harian melaporkan sekumpulan lelaki dipercayai terbabit dalam kegiatan mengebom ikan apabila beberapa bangkai haiwan itu ditemui di sekitar kawasan sungai dalam hutan.

30 April 2024

Kosmo! Online

Megat Lutfi Megat Rahim

SULTAN NAZRIN RASMI SAMBUTAN HARI HUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

IPOH – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini hari ini. Turut berangkat Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa, Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Idris Shah dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah.



Sultan Nazrin (dua dari kanan) berkenan melakukan simbolik merasmikan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, Ipoh hari ini.-Foto oleh MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA/KOSMO!

Keberangkatan tiba baginda disambut Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad. Sultan Nazrin berkenan menanam pokok Antiaris toxicaria atau pokok Ipoh dan berkenan menyaksikan penyerahan simbolik anak pokok serta Sijil Pengurusan Hutan (Malaysian Criteria and Indicator for Sustainable Forest Management) kepada kerajaan Perak.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini adalah 'Hutan dan Inovasi' yang memberi penekanan terhadap kepentingan inovasi dalam sektor perhutanan sebagai penyelesaian baharu untuk kelestarian alam dan dunia yang lebih baik. Pemilihan Perak sebagai lokasi sambutan merupakan satu penghormatan kepada kerajaan negeri dalam menganjurkan Tahun Melawat Perak 2024. – KOSMO! ONLINE

30 April 2024

BERNAMA

PERASMIAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN

Ipoh: Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini hari ini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa, Raja Puan Besar Perak Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah dan Raja Di Hilir Perak Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah.
Keberangkatan tiba baginda pada 11.10 pagi disambut Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad serta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.
Sebagai simbolik perasmian hari ini, Sultan Nazrin menyiram pokok cerupu (Garcinia Prainiana) yang merupakan sejenis pokok seakan-akan pokok manggis yang tumbuh dengan banyak cabang dan merimbun.

Sultan Nazrin berkenan menyerahkan Sijl Pengurusan Hutan Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I) untuk Pengurusan Hutan Mampan (SFM) kepada Pengarah Perhutanan Negeri Perak Datuk Mohd Basri Abdul Manaf.
Baginda turut berkenan melakukan simbolik penyerahan anak pokok kepada kerajaan negeri, sebelum bersama-sama Tuanku Zara ke acara penanaman pokok dan melawat pameran yang disediakan jabatan serta agensi terlibat.

Terdahulu, Saarani dalam sembah ucapannya berkata setakat 31 Mac lepas, keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Perak menunjukkan peningkatan dengan sejumlah 988,826.98 hektar iaitu 96.4 peratus daripada keluasan kawasan berhutan di negeri ini. Beliau berkata pada tahun lepas, kerajaan negeri berjaya mewartakan seluas 4,655.55 hektar HSK baharu dengan keluasan melibatkan 4,520.75 hektar hutan darat dan 134.80 hektar hutan paya laut. "Tambahan keluasan ini juga mengekalkan status Perak sebagai negeri yang mempunyai HSK tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 47 peratus," katanya.

Sementara itu, Saarani berkata penerimaan Sijil Pengurusan Hutan MC&I SFM membuktikan pengurusan sumber hutan di Perak berdasarkan amalan terbaik atau 'Best Forest Practices' yang selari dengan piawaian antarabangsa.
Saarani juga memaklumkan setakat 31 Mac lepas, sejumlah 7.88 juta pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri ini dalam memenuhi tanggungjawab pemuliharaan hutan, dengan jumlah itu jauh melebihi sasaran ditetapkan Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak enam juta pokok. Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaannya dengan tema sambutan pada tahun ini ialah Hutan dan Inovasi.



SULTAN Nazrin Shah (tengah) berkenan menyiram pokok Ipoh yang ditanam baginda sempena perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya.

9 Mei 2024

Sinar Harian

Saifullah Ahmad

LAPAN LELAKI MENGAKU MASUK HUTAN TANPA PERMIT

KUALA KANGSAR - Lapan lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar pada Khamis selepas didakwa memasuki hutan simpan kekal tanpa permit, dua bulan lalu.Tertuduh, Mohamad Shukri Abd Latif, 48; Jamil Chew Abdullah, 55; Che Mohd Rabillah Che Hassan, 36; Mohd Fadzli Abd Latif, 44; Fahmie Adiran Azmi, 35; Muhammad Rezwan Harun, 41; Mohd Anuar Md Jusoh, 50 dan Azrul Hafizi Abdullah, 41, masing-masing didakwa atas satu pertuduhan. Mengikut pertuduhan, kesemua mereka didakwa memasuki hutan simpanan kekal tanpa permit yang sah di Kompartmen 359 Hutan Simpan Banding, Hulu Perak pada 7 hingga 8 Mac 2024. Perbuatan tersebut merupakan kesalahan di bawah Seksyen 47(1)(c) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Bagi kesalahan tersebut, kesemua tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 47 (4) enakmen sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.



Ahmad Adha (kiri) bersama Jamil Chew (kanan) yang merupakan salah seorang daripada lapan tertuduh yang mengaku bersalah atas pertuduhan memasuki hutan simpan kekal tanpa permit di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar pada Khamis

Kelapan-lapan tertuduh kemudiannya mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak Peguam, Ahmad Adha Amir Yasser yang mewakili kesemua tertuduh merayu mahkamah mengenakan hukuman denda paling minimum kepada anak guamnya dengan alasan pengakuan bersalah tersebut menjimatkan masa mahkamah.

Beliau turut berhujah bahawa kesemua tertuduh berada pada masa dan lokasi yang salah dan tidak boleh dikaitkan dengan kejadian pengeboman ikan di lokasi kejadian. Pasukan pendakwaan yang dikendalikan Pengarah Pendakwaan Perak, Wan Azimah Yaacob dan Timbalan Pendakwa Raya, Phulrani Kaur kemudian meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal ke atas tertuduh. Mahkamah kemudiannya menetapkan hukuman denda RM7,000 bagi setiap tertuduh dan enam bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan.

Media pada 18 Mac melaporkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengumumkan pembekuan pemberian kelulusan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal di daerah Hulu Perak bagi membolehkan siasatan dilakukan berkaitan kes pengeboman ikan yang tular sebelum.

Pada 12 Mac lalu, media melaporkan sekumpulan lelaki dipercayai terbabit dalam kegiatan mengebom ikan apabila beberapa bangkai haiwan itu ditemui di sekitar kawasan sungai dalam hutan. Kejadian itu disedari seorang pemancing dikenali Faizal bersama lapan rakannya yang datang ke kawasan hutan itu untuk memancing dan beriadah.

Sebelum ini tular rakaman video memaparkan sekumpulan lelaki menunjukkan hasil tangkapan ikan seperti kelah, tengas dan lampam yang banyak di satu kawasan sungai dalam hutan.

Berikutan itu, Jabatan Perikanan menyiasat aktiviti tular itu yang dikatakan menangkap ikan dengan cara yang salah dan mencurigakan.

11 Mei 2024

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

Megat Lutfi Megat Rahim

PERAK BERJAYA TANAM 7.88 JUTA POKOK

KAMPAR – Kerajaan negeri Perak setakat ini telah berjaya menanam sebanyak 7.88 juta pokok setakat ini melebihi sasaran 6 juta pokok iaitu pada nisbah 2 juta pokok setahun sejak 2021.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, tempoh pelaksanaan bagi program penghijauan selama lima tahun bermula pada tahun 2021



Saarani Mohamad (tiga dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta pada Majlis Pelancaran Program Pemuliharaan Biodiversiti AEON Credit di Taman Alam Kinta di Kampar hari ini. -Foto ZULFACHRI ZULKIFLI.

"Kempen ini digiatkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Sasaran dua juta pokok setahun. Kita bermula pada 2021 dan sudah capai 7.88 juta pokok iaitu melebihi yang sepatutnya.

"Saya yakin hasrat untuk mencapai 100 juta pokok akan tercapai," katanya pada media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Pemuliharaan Biodiversiti (Afforestation) AEON Credit di Taman Alam Kinta di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Saarani berkata, kerajaan negeri akan terus memperkasa dan menjaga kelestarian tiga taman negeri berpotensi tinggi untuk pelancongan bercirikan semulajadi dan kaya dengan flora dan fauna iaitu Taman Negeri Royal Belum (Gerik), Taman Negeri Pulau Sembilan (Lumut) dan Taman Alam Kinta di Kampar.-KOSMO! ONLINE

ADA PIHAK PERGUNA ORANG ASLI CEROBOH HUTAN SIMPAN

KAMPAR - Kerajaan Perak akan menambah jumlah penguat kuasa bagi menjalankan aktiviti pemantauan di kawasan hutan simpan negeri. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, langkah itu berdasarkan beberapa siri pencerobohan yang berlaku di kawasan hutan simpan termasuk bagi aktiviti memancing dan rekreasi. Menurutnya, dalam keadaan tertentu, ada pihak yang mengambil kesempatan memasuki kawasan hutan simpan pada waktu malam dengan bantuan penduduk orang asli bagi mengelak dikesan.

"Kawasan (hutan simpan) ini tidak berpagar. Ada orang masuk malam dan ada juga yang menyalahgunakan hubungan baik dengan Orang Asli masuk ke situ. "Apabila mereka sudah masuk, kita tak dapat nak kesan kecuali kita ada penguat kuasa yang mencukupi untuk memantau. "Jadi berdasarkan keperluan itu, kita akan menambah bilangan penguat kuasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Pemuliharaan Biodiversiti Penghutanan Semula AEON Credit di Taman Alam Kinta di sini pada Sabtu.

